Raja Payung Negara

Daulat Sepanjang Zaman





SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K., D.K. (Kelantan)., D.K. (Pahang)., D.K. (Selangor)., D.K. (Perlis)., D.K. (Negeri Sembilan)., D.K. (Johor)., D.K. (Terengganu)., D.K. (Perak)., D.K. (Brunei)., D.P. (Sarawak)., D.U.N.M., S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K., S.S.D.K., Grand Cordon of The Order of the Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia), Order of the Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of the Bath of U.K., Asso. Knight Order of St. John, Hon. Ph.D (UUM)., Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan), Knight of the Most Illustrious Order of The Royal House of Chakri (Thailand).

Raja Payung Negara

Daulat Sepanjang Zaman

MENJUNJUNG KASIH TUANKU

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV
Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin
Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah
Ibni Almarhum Sultan Badlishah

dan

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
Tuanku Hajah Haminah

Ikhlas daripada

KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

DAULAT TUANKU



Rakyat Malaysia sesungguhnya berbangga kerana negara ini merupakan satu-satunya negara yang mempunyai Yang di-Pertuan Agong yang dilantik setiap lima tahun daripada kalangan sembilan Sultan, Raja dan Yang di-Pertuan Negeri yang memerintah. Sesungguhnya Tuanku Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol kekuatan, pelindungan dan keadilan kepada rakyat dan kepada Bagindalah rakyat menumpang bernaung serta melahirkan taat setia dan semangat patriotisme mereka kepada negara.

Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBhg. Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

YBhg. Dato' Mohd Sukari bin Ab Hamid
Timbalan Ketua Pengarah (Penerangan Strategik)
Jabatan Penerangan Malaysia

KETUA PENGARANG
Hajah Ariah Judah

PENGARANG
Ku Noor Azian binti Ku Azizan
Yosri bin Abu Mahsin

PENYELARAS
Nurul Insyirah binti Mohd Ishah

PEMBANTU PENYELARAS
Timothy a/l Palavadram
Nurazila binti Mohd Taib
Faisal bin Wahid

PEMBANTU PENYELIDIK
Roslen Jati ak Jeffery Sut
Gomadi a/p Nathan

FOTOGRAFI
Pusat Sumber dan Fotografi,
Jabatan Penerangan Malaysia
Istana Negara
Yayasan Sultanah Bahiyah

PENGHARGAAN
Istana Negara
Istana Anak Bukit, Alor Setar
Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Hajah Haminah (YAYSH)
Yayasan Sultanah Bahiyah

ISBN 978-983-54-0603-4
Cetakan Pertama, 2017 Hak Cipta Terpelihara
@Jabatan Penerangan Malaysia 2017

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Diterbitkan oleh
Ketua Pengarah,
Jabatan Penerangan Malaysia,
Aras 9 - 16 & 18 & 20,
Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia,
No. 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia.

Laman Web: http://www.penerangan.gov.my
Portal: http://www.pmr.penerangan.gov.my
E-mel: webmaster@inform.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Raja Payung Negara Daulat Sepanjang Zaman
ISBN 978-983-54-0603-4 (hardback)
1. Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum
Sultan Badlishah--Kebawah Duli Yang Maha Mulia--1927-2017.
2. Monarchy--Malaysia. 3. Kings and rules--Succession.
4. Kedah--Kings and rulers. 5. Malaysia--History.
923.1595112

Reka Bentuk Kulit dan Reka Letak oleh
Gempita Maju Sdn. Bhd.

Dicetak oleh
Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.

KANDUNGAN

PRAKATA viii

BAB SATU 1
RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA

BAB DUA 23
ISTIADAT PERTABALAN DAN PELANTIKAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV

BAB TIGA 39
RIWAYAT YANG DI-PERTUAN AGONG XIV

BAB EMPAT 63
TAKHTA DIJULANG, PERPADUAN DIPERTAHANKAN

BAB LIMA 71
AGAMA DIANGKAT UMMAH BERMARTABAT

BAB ENAM 79
SUKAN DAN HOBI

BAB TUJUH 89
TUANKU DI PERSADA ANTARABANGSA

BAB LAPAN 111
SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
TUANKU HAJAH HAMINAH

BAB SEMBILAN 129
RAJA BERJIWA RAKYAT

BAB SEPULUH 143
ISTIADAT KEBERANGKATAN BALIK
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV
SELEPAS TAMAT TEMPOH PEMERINTAHAN

BAB SEBELAS 155
PETIKAN TITAH

BIBLIOGRAFI 175

PRAKATA



Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan perkenan-Nya buku Raja Payung Negara Daulat Sepanjang Zaman sempena terbitan khas lima tahun pemerintahan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV.

Penerbitan ini menjadi tradisi Jabatan Penerangan Malaysia mendokumentasi secara rasmi kenangan pemerintahan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV sepanjang melaksanakan Sistem Raja Berperlembagaan mulai 13 Disember 2011 sehingga 12 Disember 2016 untuk rujukan dan rekod sejarah negara pada masa akan datang.

Walaupun pada masa ini perkembangan teknologi digital semakin pesat dan diguna pakai secara meluas, penerbitan buku-buku secara konvensional masih menjadi pilihan kepada orang ramai. Hal ini kerana buku bukan sahaja lebih senang dibaca, malah akan menjadi simpanan dan rujukan yang kekal sama ada di perpustakaan, pejabat mahupun di rumah. Pembacaan buku-buku menjadi lebih menyeronokkan kepada penggemar-penggemar buku terutama golongan akademik. Namun buat mereka yang gemar untuk membaca bahan penerbitan secara dalam talian, buku ini akan turut dimuat naik ke www.penerangan.gov.my untuk bacaan umum.

Sistem penggiliran dan Demokrasi Berparlimen Raja Berpelembagaan yang diamalkan di Malaysia bermula ketika Pertabalan DYMM Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pertama pada tahun 1957. Penerbitan buku ini merupakan intipati penghargaan rakyat jelata atas jasa dan budi Baginda Tuanku sebagai Ketua Negara bagi Malaysia.

Sesungguhnya Malaysia telah melalui 14 Ketua Negara secara penggiliran lima tahun sekali dalam kalangan sembilan orang Sultan dan Raja Negeri di negara ini. Jawatan Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana Seri Paduka ialah Ketua Negara dan juga menjadi Ketua Agama Islam di negeri-negeri

"Semoga penerbitan khas yang merakamkan sumbangan serta jasa bakti Baginda Seri Paduka Baginda Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah kepada rakyat dan negara tercinta ini menjadi rujukan dan inspirasi mengukuhkan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia, Negaraku."

yang tidak mempunyai Raja atau Sultan, iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Penerbitan buku ini juga menumpukan hebahan pengetahuan kepada rakyat terutama generasi muda supaya memahami peranan Yang di-Pertuan Agong yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di negara ini.

Semoga penerbitan khas yang merakamkan sumbangan serta jasa bakti Baginda Seri Paduka Baginda Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah kepada rakyat dan negara tercinta ini menjadi rujukan dan inspirasi mengukuhkan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia.

Jabatan Penerangan juga merafak sembah dan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Tuanku berdua sebagai Ketua Negara selama tempoh perkhidmatan Tuanku. Saya mewakili seluruh warga Jabatan Penerangan Malaysia dengan hormat takzimnya mempersembahkan penerbitan khas ini sebagai menjunjung kasih atas pemerintahan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV.

DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia



YANG DI-PERTUAN AGONG I

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Abdul Rahman
Ibni Almarhum Tuanku Muhammad

Memerintah dari 31 Ogos 1957 hingga 1 April 1960
YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN



YANG DI-PERTUAN AGONG II

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Hisamuddin Alam Shah
Ibni Almarhum Sultan Alaiddin Sulaiman Shah

Memerintah dari 14 April 1960 hingga 1 September 1960
SULTAN SELANGOR



YANG DI-PERTUAN AGONG III

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Syed Putra Alhaj
Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail

Memerintah dari 21 September 1960 hingga 20 September 1965
RAJA PERLIS



YANG DI-PERTUAN AGONG IV

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah
Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin

Memerintah dari 21 September 1965 hingga 20 September 1970
SULTAN TERENGGANU



YANG DI-PERTUAN AGONG V

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah

Memerintah dari 21 September 1970 hingga 20 September 1975
SULTAN KEDAH



YANG DI-PERTUAN AGONG VI

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Yahya Petra
Ibni Almarhum Sultan Ibrahim

Memerintah dari 21 September 1975 hingga 29 Mac 1979
SULTAN KELANTAN



YANG DI-PERTUAN AGONG VII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'Ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah

Memerintah dari 26 April 1979 hingga 25 April 1984
SULTAN PAHANG



YANG DI-PERTUAN AGONG VIII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Sultan Iskandar
Ibni Almarhum Sultan Ismail

Memerintah dari 26 April 1984 hingga 25 April 1989
SULTAN JOHOR



YANG DI-PERTUAN AGONG IX

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah
Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah

Memerintah dari 26 April 1989 hingga 25 April 1994
SULTAN PERAK



YANG DI-PERTUAN AGONG X

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Tuanku Ja'afar
Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman

Memerintah dari 26 April 1994 hingga 25 April 1999
YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN



YANG DI-PERTUAN AGONG XI

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj
Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj

Memerintah dari 26 April 1999 hingga 21 November 2001
SULTAN SELANGOR



YANG DI-PERTUAN AGONG XII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Tuanku Syed Sirajuddin
Ibni Al-Marhum Tunku Syed Putra Jamalullail

Memerintah dari 13 Disember 2001 hingga 12 Disember 2006
RAJA PERLIS



YANG DI-PERTUAN AGONG XIII

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin
Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah

Memerintah dari 13 Disember 2006 hingga 12 Disember 2011
SULTAN TERENGGANU



SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV

ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN

TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

Memerintah dari 13 Disember 2011 hingga 12 Disember 2016

SULTAN KEDAH

BAB SATU

RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA

RAJA BERPERLEMBAGAAN

Yang di-Pertuan Agong merupakan institusi bebas yang melambangkan keyakinan rakyat terhadap sistem pemerintahan demokrasi. Seri Paduka Baginda secara simbolik berperanan sebagai tonggak kepada simbol perpaduan melangkaui kaum. Institusi ini mempunyai kedudukan istimewa seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan. Sebagai Kepala Utama Negara, Baginda menjadi lambang kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara. Baginda dipilih daripada sembilan orang Sultan yang memerintah Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.







Sistem Raja Berperlembagaan meletakkan Institusi Raja di tempat yang tertinggi.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Bahagian IV
Persekutuan
Bab 1- Ketua Utama Negara
Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan dan Isterinya

(1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

(2) Isteri Yang di-Pertuan Agong (digelar Raja Permaisuri Agong) hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang lain di dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong.

(3) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-Raja bagi tempoh lima (5) tahun, tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditandatangani sendiri olehnya yang ditujukan kepada Majlis Raja-Raja atau boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja, dan hendaklah berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja.

(4) Peruntukan Bahagian I dan III Jadual Ketiga hendaklah terpakai bagi pemilihan dan pemecatan Yang di-Pertuan Agong.

MAJLIS RAJA-RAJA MELAYU



Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan pada tahun 1896 setelah penjajah British memutuskan untuk menyatukan beberapa buah negeri menjadi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1 Julai tahun yang sama. Penjajah British telah menubuhkan Majlis Raja-Raja Melayu dengan tujuan menjalinkan hubungan baik antara Raja-Raja dengan British.

Majlis ini pada asalnya dikenali sebagai "Durbar" yang diambil daripada perkataan Urdu-Parsi. Durbar bermaksud 'Persidangan Diraja atau Persidangan Pemerintah Tempatan' dan istilah ini telah digunakan oleh Penjajah British di India. Mesyuarat Durbar yang pertama telah diadakan di Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak pada 13 Julai 1897. Mesyuarat yang pertama ini amat penting kerana menjadi wadah untuk Raja-Raja berkongsi pandangan dan mengutarakan perkara yang berkaitan dengan rakyat masing-masing.

Tuanku Alhaj Abdul Halim sepanjang pemerintahannya turut berkenan hadir ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu yang pada kebiasaannya berlangsung di Istana Negara. Sultan-Sultan dan Yang di-Pertua Negeri yang hadir ke mesyuarat tersebut akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pertahanan, keselamatan undang-undang dan pelantikan. Turut hadir dalam mesyuarat berkenaan ialah Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.



Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu Kali ke-237 diadakan selama dua hari pada 11 dan 12 Mac 2015





PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat melalui undian sulit antara sembilan orang Raja-Raja Melayu. Apabila seorang raja yang ditawarkan menjadi Yang di-Pertuan Agong menerima tawaran tersebut, maka Majlis Raja-Raja Melayu akan mengisytiharkan Baginda dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja akan memberitahu keputusan pemilihan itu secara bertulis kepada kedua-kedua Dewan Parlimen, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Pada asasnya, setiap Raja layak menjadi Yang di-Pertuan Agong. Namun begitu, terdapat beberapa keadaan yang boleh menyebabkan seorang Raja tidak dipilih. Antara sebab-sebabnya termasuklah:

- Belum dewasa;
- Tidak berhasrat untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong; dan:-
- Lain-lain sebab berkaitan dalam tatacara dan urusan pelantikan Yang di-Pertuan Agong.

Negara melakar sejarah apabila Yang di-Pertuan Agong V Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah satu-satunya Sultan yang ditabal menjadi Ketua Utama Negara sekali lagi sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV.

Baginda Tuanku sedang membaca lafaz ikrar sebagai Yang di-Pertuan Agong V pada lantikan kali pertama (1970-1975)

PEMECATAN

Dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pemerintah, Yang di-Pertuan Agong dikehendaki menurut nasihat Jemaah Menteri. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri tidak ada kuasa memecat Baginda daripada jawatannya. Malah, Parlimen juga tidak mempunyai kuasa memecat Baginda daripada jawatannya.

Tabik hormat perbarisan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016 bersama barisan pemimpin dan Ketua Angkatan Tentera Malaysia



Kuasa memecat Baginda hanya terletak kepada Majlis Raja-Raja Melayu. Perlembagaan memperuntukkan bahawa pemecatan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh diluluskan sekiranya tidak mendapat sekurang-kurangnya lima undi dalam kalangan ahli Majlis Raja-Raja Melayu.

Yang di-Pertuan Agong bertindak dalam banyak perkara atas nasihat, namun pada hakikatnya tidak mengubah kedudukan Baginda sebagai pemegang kuasa eksekutif.



KEDUDUKAN

Yang di-Pertuan Agong berada pada kedudukan yang paling tinggi di dalam negara mengatasi segala individu di dalam Persekutuan dan diikuti oleh Raja Permaisuri Agong.

Kedudukan berikutnya disandang oleh Raja-Raja Negeri dan Yang di-Pertua keempat-empat negeri, iaitu Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Seorang Raja dianggap berdaulat dan menjadi tonggak bagi menyatupadukan rakyat, mengamankan dan memakmurkan negeri. Masyarakat Melayu diasuh supaya tidak menderhaka kepada raja dan perlu taat serta setia kepadanya. Pelbagai cara digunakan untuk mendaulatkan kedudukan Raja. Antara simbol melambangkan kedaulatan kedudukan Raja dizahirkan dengan penggunaan bahasa, warna, alat kebesaran dan muzik diraja.

Raja dan Sultan Payung Negara kesayangan rakyat jelata

BIDANG KUASA

Selari dengan kedudukan Baginda sebagai Raja Berperlembagaan, Baginda telah mengangkat sumpah semasa pelantikan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu di hadapan Ketua Hakim Negara untuk berikrar taat setia menjalankan pemerintahan seadilnya di Malaysia dengan mengikut undang-undang dan Perlembagaan yang telah disahkan dan dimasyhurkan pada masa kini dan pada masa hadapan.



Kuasa pentadbiran negara dijalankan oleh Jemaah Menteri (Kabinet) yang diketuai oleh Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Baginda berhak mendapat apa-apa maklumat tentang pemerintahan negara daripada Jemaah Menteri, lazimnya daripada Perdana Menteri. Selain itu dalam menjalankan kewajipan, Baginda mempunyai seorang Penasihat Undang-Undang, iaitu Peguam Negara. Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa tanggungjawab Peguam Negara ialah memberi nasihat undang-undang kepada Baginda, Jemaah Menteri atau sebarang Menteri.

Baginda juga berikrar untuk memelihara kesucian agama Islam pada setiap masa dan berdiri teguh atas pemerintahan yang adil dan aman bersama Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan Menteri.



Kerjasama dan permuafakatan antara Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam menjamin tranformasi berkesan pentadbiran di Malaysia

KUASA PERUNDANGAN PARLIMEN

Yang di-Pertuan Agong memiliki keistimewaan untuk memperkenan atau tidak sesuatu Rang Undang-Undang yang telah melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1994 menjelaskan kedudukan Baginda seperti yang berikut:-

(4) Yang di-Pertuan Agong hendaklah dalam masa tiga puluh hari selepas sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan kepada Baginda memperkenankan Rang Undang-Undang itu dicopkan dengan Mohor Besar.

(4A) Jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam Fasal (4), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.

Baginda hendaklah memanggil Parlimen bersidang dalam tempoh enam bulan dari tarikh persidangan sebelumnya. Baginda juga berkuasa memberhenti dan membubarkan Parlimen. Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh mesyuarat pertama.

Perkara lain yang memerlukan pertimbangan atau persetujuan Baginda ialah membubar atau menangguhkan pembubaran Parlimen atas permohonan. Permohonan ini boleh berlaku apabila timbul dua keadaan. Pertama, apabila parti yang berkuasa memikirkan boleh diadakan Pilihan Raya Umum. Kedua, apabila Perdana Menteri tidak lagi menguasai Parlimen. Apabila Parlimen dibubarkan, satu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari di negeri-negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Parlimen hendaklah dipanggil bersidang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh pembubaran.



PENTADBIRAN DAN PELANTIKAN

Perlembagaan memperuntukkan kuasa Yang di-Pertuan Agong tertakluk pada Undang-Undang Persekutuan dan Jadual Kedua Perlembagaan. Kuasa pentadbiran negara boleh dijalankan oleh Baginda atau Jemaah Menteri atau salah seorang Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri. Parlimen boleh memberi kuasa pentadbiran kepada orang lain.



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mempersembahkan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Tuanku Alhaj Abdul Halim dalam Istiadat Pembukaan Parlimen.

Baginda hendaklah dengan nasihat Perdana Menteri melantik Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri daripada Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Bagaimanapun, kedua-dua lantikan ini boleh dibatalkan oleh Baginda atas nasihat Perdana Menteri. Sebelum Menteri-Menteri atau Timbalan-Timbalan Menteri menjalankan tugas, mereka hendaklah mengangkat sumpah jawatan dan taat setia di hadapan Baginda.

Baginda juga melantik Peguam Negara, Jurukira Negara dan Panglima Angkatan Tentera. Pelantikan bagi jawatan-jawatan ini dilakukan mengikut lunas-lunas yang ditentukan oleh Perlembagaan. Jawatan-jawatan lain yang dilantik oleh Baginda atas nasihat termasuklah Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, Ahli-ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Bersenjata dan lain-lain. Selain itu, Baginda menetapkan beberapa jawatan sebagai jawatan-jawatan khas termasuklah Ketua-ketua Jabatan dan sebagai Timbalan Ketua-ketua Jabatan atas sokongan Suruhanjaya yang berkenaan.

MELANTIK PERDANA MENTERI

Menurut Perlembagaan, sebelum melantik Jemaah Menteri, Baginda terlebih dahulu melantik seorang Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri untuk mengetuai Jemaah itu. Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menjadi Perdana Menteri ialah orang yang pada budi bicara Baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan. Biasanya, orang yang dilantik ialah pemimpin atau ketua parti politik atau persekutuan (gabungan) parti-parti politik yang mendapat kelebihan kerusi di dalam Dewan Rakyat. Jika kebetulan tidak ada satu parti politik pun yang mempunyai kelebihan besar jumlah kerusi di dalam Dewan Rakyat yang memungkinkan berlakunya pembentukan kerajaan campuran, maka terletak kepada kebijaksanaan Baginda untuk memilih Perdana Menteri yang boleh mengendalikan Jemaah Menteri kerajaan campuran itu serta mendapat sokongan besar daripada Dewan Rakyat.

Sepanjang tempoh pemerintahan Tuanku Alhaj Abdul Halim menjadi Yang di-Pertuan Agong XIV, Baginda berkenan melantik Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk melaksanakan pelbagai inisiatif transformasi memajukan negara Malaysia.





BIDANG KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG



KUASA PENGAMPUNAN

Dalam hal-hal jenayah di Wilayah Persekutuan, apabila segala saluran dan cara keadilan telah habis diikhtiarkan, seseorang yang sudah dihukum masih boleh lagi memohon keampunan daripada Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai langkah terakhir. Dalam menjalankan kuasa pengampunan ini, Baginda akan bertindak atas nasihat sebuah Lembaga Pengampunan yang terdiri daripada tiga orang ahli yang dilantik oleh Baginda sendiri. Peguam Negara atau wakilnya, dan Menteri yang bertanggungjawab atas Wilayah Persekutuan. Baginda juga berkuasa mengampun, menangguh dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Menyempurnakan Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2016 di Kem Perdana Sungai Besi

KETENTERAAN

Yang di-Pertuan Agong ialah pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia. Baginda dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera yang ditubuhkan untuk pemerintahan, menjaga tatatertib, menjaga pentadbiran Angkatan Tentera serta lain-lain mengenainya kecuali perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera. Baginda yakin dan berharap sikap taat setia serta pengorbanan yang dizahirkan Angkatan Tentera Malaysia merupakan penghormatan tertinggi diterima Kerajaan Baginda dan negara. Seri Paduka Baginda telah dilantik menjadi Kolonel Yang Di-Pertua Kor Peninjau Malaysia pada 23 Mac 1966 sehinggalah tarikh Baginda dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong Yang Kelima pada 23 Julai 1970. Dengan pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga menjadi Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia. Selepas Baginda menamatkan tempoh pemerintahan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong V, Baginda telah dilantik pula menjadi Kolonel Yang Di-Pertua Rejimen Askar Melayu Diraja pada 23 September 1975. Kini dengan pelantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV, Baginda juga sekali lagi merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.







Tuanku diberi penerangan tentang alatan perang dan teknologi senjata dimiliki oleh jentera pertahanan negara





PERISYTIHARAN DARURAT

Yang di-Pertuan Agong boleh membuat perisytiharan Darurat atas nasihat Perdana Menteri. Perisytiharan Darurat dibuat setelah Baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan dan ekonomi negara. Jika Parlimen tidak bersidang apabila perisytiharan itu diperbuat, maka Baginda hendaklah memanggil Parlimen supaya bersidang secepat mungkin. Sementara menunggu dua Dewan bersidang, Baginda boleh menyiarkan Ordinan yang berkuasa undang-undang jika Baginda berpuas hati tindakan segera perlu dilakukan.







SEKATAN


Sungguhpun kuasa Yang di-Pertuan Agong itu luas, tetapi ada sekatan yang dikenakan terhadap Baginda. Antara sekatan-sekatan itu termasuklah:

- Menjalankan tugas Raja di negerinya, kecuali tugas sebagai Ketua Agama Islam;
- Memegang jawatan yang ada bayaran sara baginya;
- Mengambil bahagian dalam apa-apa perniagaan;
- Menerima apa jenis bayaran yang boleh dibayar atau yang berhak kepadanya sebagai Raja di negerinya;
- Dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu, meninggalkan Persekutuan lebih daripada 15 hari, kecuali atas urusan negara ke suatu negeri lain.

Walau bagaimanapun, Baginda tidak terhalang daripada menggunakan kuasa sebagai Raja di negeri Baginda, sama ada perseorangan atau dengan pihak kuasa yang lain, untuk meminda perlembagaan negeri Baginda atau untuk melantik Pemangku Raja atau Ahli Jemaah Pemangku Raja atau perkara-perkara lain yang telah ditentukan berkaitan dengan ini. Ketetapan dan peraturan bagi kedudukan Baginda ini adalah terkena kepada Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang menjalankan tugas Yang di-Pertuan Agong lebih daripada 15 hari.







Yang di-Pertuan Agong berkenan melawat Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia, Defence Services Asia (DSA) Exhibition 2014 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 15 April 2014



Penerangan tentang senjata M4 Carbine Monolithic Piston oleh SME Ordnance Sdn. Bhd.



BAB DUA

ISTIADAT PERTABALAN DAN PELANTIKAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV

ISTIADAT KEBERANGKATAN TIBA

SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV DAN SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah berangkat tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang pada 13 Disember 2011 bagi menghadiri istiadat melafaz sumpah dan menandatangani surat memegang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV. Ketibaan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama-sama dengan Sultanah Hajah Haminah disambut oleh Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada ketika itu Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim dan isteri Puan Sri Masnah Rais.

Seramai 29 anggota dan pegawai daripada Batalion Keenam Rejimen Renjer Diraja mengadakan kawalan kehormat setempat. Tuanku berdua kemudian berangkat ke Dataran Parlimen di Kuala Lumpur untuk sambutan penuh istiadat. Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih oleh Raja-raja Melayu pada Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja di Istana Negara pada 14 Oktober 2011 sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 untuk tempoh lima tahun. Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong bagi tempoh yang sama. Pelantikan ini merupakan kali kedua Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong selepas kali pertama pada 21 September 1970.





ISTIADAT MELAFAZ SUMPAH BAGI YANG DI-PERTUAN AGONG



Istiadat Melafaz Sumpah Jawatan dan Menandatangani Surat Perisytiharan Memegang Jawatan Yang di-Pertuan Agong XIV dimulakan dengan Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja Melayu yang ke-227 di Balairung Seri Istana Negara. Mesyuarat kali ini dipengerusikan oleh Tuanku Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Istiadat bermula apabila Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad mempersembahkan dokumen surat sumpah kepada Tuanku Alhaj Abdul Halim. Baginda kemudiannya membaca lafaz sumpah dan menandatangani surat sumpah itu di hadapan Raja-Raja Melayu. Dua orang saksi yang terdiri daripada Raja Melayu ialah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Shah (Pahang) dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah (Perak). Istiadat diteruskan dengan lafaz sumpah Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V. Sejurus selepas itu, doa dibacakan oleh Imam Besar Masjid Negara, Tan Sri Syaikh Ismail Muhammad. Kemudian Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja memohon perkenan Raja-Raja untuk menangguhkan Mesyuarat ke tarikh yang akan diberitahu.

















Istiadat diteruskan dengan menandatangani surat perisytiharan Yang di-Pertuan Agong XIV yang kemudiannya dibacakan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Kemudian diteruskan dengan menandatangani surat perisytiharan Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Istiadat kali ini dihadiri oleh kesemua Raja Melayu kecuali Terengganu yang diwakili Tengku Sri Temenggung Raja Tengku Baharuddin Almarhum Sultan Mahmud Almuktafi Billah Shah. Turut hadir Yang di-Pertua Negeri. Turut berangkat dalam Istiadat itu ialah Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra juga kerabat Diraja Kedah dan Kelantan. Istiadat diakhiri dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Wan Zahidi Wan Teh.

Berikut ialah perisytiharan Sultan Kedah Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'azam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 yang dibacakan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dalam Istiadat Melafaz Sumpah Memegang Jawatan dan Menandatangani Surat Sumpah Jawatan di Istana Negara, Kuala Lumpur.

"Bahawasanya adalah diperuntukkan oleh Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan bahawa hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang digelar Yang di-Pertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-raja:

Dan bahawasanya menurut peruntukan Jadual Ketiga kepada Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja telah mengisytiharkan Beta dipilih memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Maka oleh yang demikian Beta, Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'azam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, dengan ini mengisytiharkan bahawa Beta pada hari ini telah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan telah mengangkat sumpah yang dikehendaki oleh Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan mengikut cara yang ditetapkan oleh Perkara itu.

Diperbuat di Istana Beta, Istana Negara, di Ibu Negara Beta di Kuala Lumpur pada tiga belas haribulan Disember dalam tahun dua ribu sebelas."



ISTIADAT PERTABALAN



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah telah menyempurnakan lafaz ikrar sebagai Ketua Negara, pada 11 April 2012 dalam Istiadat Pertabalan di Balairung Seri Istana Negara. Istiadat pertabalan kali ini begitu istimewa dan mencatat dua sejarah tersendiri bagi pihak istana khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya.

Pertama, istiadat ini melibatkan Baginda Sultan yang diangkat menjadi pemerintah tertinggi negara buat kali kedua dalam pelantikan Yang di-Pertuan Agong. Selain itu, pertabalan ini juga mencipta rekod tersendiri kerana buat julung-julung kalinya diadakan di sebuah istana baharu yang dibina oleh kerajaan daripada asasnya sehinggalah siap berkeluasan 2,304 meter persegi.


Istiadat Pertabalan dimulakan sebaik keberangkatan masuk Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah ke Balairung Seri dengan diiringi tiupan nafiri dan paluan nobat lagu *Belayar* oleh Kumpulan Nobat Diraja Kedah. Seri Paduka Baginda Tuanku berdua kemudiannya bersemayam di Singgahsana untuk Istiadat Pertabalan.



Istiadat diteruskan dengan membawa masuk baki alatan kebesaran seperti Cogan Agama, Cogan Alam, Cokmar, Nobat, Keris Panjang Diraja, Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong, Kalung Diraja, Gendik Diraja, Pending Diraja, Muskat, Tengkolok Diraja, Tombak Berambu dan Payung Ubur-Ubur Kuning yang diketuai oleh Pemangku Datuk Paduka Maharaja Lela, Encik Azuan Effendy Zairakithnaini bersama Datuk Pengelola Bijaya Diraja, Datuk Awang Kechik Abdul Rahman kemudian membawa masuk senaskhah al-Quran, Keris Panjang Diraja yang juga merupakan Keris Kerajaan, Surat Perisytiharan dan Warkah Ikrar yang dibawa oleh pegawai-pegawai Istana Negara, diikuti Pegawai Agama Istana Negara, Datuk Abd Aziz Che Yacob dengan diiringi paluan nobat.

Naskhah al-Quran, yang merupakan lambang kemuliaan Islam sebagai agama rasmi negara, kemudiannya disembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.





Baginda mencium al-Quran dan meletakkannya di atas rehal yang terletak di atas meja tengah di antara Seri Paduka Baginda Tuanku berdua.

Pemangku Datuk Paduka Maharaja Lela kemudiannya mempersilakan Perdana Menteri untuk membaca surat perisytiharan. Kemudian diikuti dengan Pemangku Datuk Paduka Maharaja Lela mempersembahkan Keris Kerajaan yang merupakan alat kebesaran kepada Yang di-Pertuan Agong.

Seri Paduka yang menerima keris berkenaan lalu menghunus dan mengucup sebelum menyarungkan semula keris itu sebagai simbolik kebesaran dan kekuasaan.

Kemudian Baginda menerima Warkah Ikrar serta melafazkan:

"Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya Beta dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong. Dengan ini Beta akan menjalankan seadil-adilnya pemerintahan bagi Malaysia mengikut undang-undang Perlembagaan Negara serta memelihara dengan sempurna setiap masa, agama Islam dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negara."

Sebaik selesai kemuncak Istiadat Pertabalan itu, tiupan nafiri dan paluan nobat dengan lagu *Perang* bergema di Balairung Seri dan para hadirin berdiri dan melaungkan 'Daulat Tuanku' sebanyak tiga kali..

Serentak itu juga, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan dan lagu *Negaraku* dimainkan oleh Pancaragam Pusat Tentera Udara Diraja Malaysia.









Tuanku Alhaj Abdul Halim dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong V pada tahun 1970 semasa berusia 42 tahun, dan kini empat dekad kemudian, Baginda ditabalkan sekali lagi sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV pada usia 84 tahun.

Menambah keunikan pertabalan kali ini ialah Perdana Menterinya, Dato' Sri Najib Tun Razak, di mana semasa Tuanku Alhaj Abdul Halim ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong V, Perdana Menteri pada masa itu ialah ayahanda Dato' Sri Najib, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Istiadat Pertabalan yang berlangsung penuh berwarna-warni itu turut disaksikan kira-kira 900 orang tetamu termasuk Raja-Raja Melayu dan Permaisuri masing-masing, wakil-wakil Raja-Raja Melayu, Gabenor-Gabenor, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet dan isteri masing-masing.

Turut menyaksikan acara gemilang itu ialah tetamu-tetamu kehormat yang terdiri daripada Ketua-Ketua Perwakilan Asing, Ketua-Ketua Diplomat Asing dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan.



Ucapan dan sembah tahniah daripada tetamu yang hadir





BAB TIGA

RIWAYAT YANG DI-PERTUAN AGONG XIV

RIWAYAT HIDUP

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah diputerakan pada 28 November 1927. Seri Paduka Baginda mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Titi Gajah sebelum menyambung pelajaran Baginda di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Minat Baginda yang mendalam terhadap bidang ilmu dan pendidikan telah mendorong Baginda untuk berangkat ke United Kingdom bagi menyambung pelajaran di Wadham College, Oxford, London pada awal tahun 1952 dalam jurusan Sains Kemasyarakatan dan Pentadbiran Awam. Sewaktu di United Kingdom, Baginda telah dilantik sebagai Raja Muda Negeri Kedah pada 6 Ogos 1949.



Ayahanda dan bonda Tuanku Alhaj Abdul Halim, Sultan Badlishah dan Tunku Sofiah.





Tuanku Alhaj Abdul Halim (dua dari kiri) bersama ayahanda dan bonda serta adik-beradik pada tahun 1930-an.



Ketika Majlis Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong V pada 20 Februari 1971

Sekembalinya Seri Paduka Baginda Tuanku ke tanah air setelah menamatkan pengajian di luar negara pada tahun 1955, Baginda telah berkhidmat di Pejabat Daerah Alor Setar dan kemudiannya di Perbendaharaan Negeri Kedah. Pada 9 Mac 1957, Baginda telah dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah sewaktu Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah berangkat ke luar negara pada 12 Mac hingga 3 Julai 1957.

Dengan kehendak dan izin Allah SWT Seri Paduka Baginda telah naik takhta Kerajaan Negeri Kedah pada 14 Julai 1958 berikutan kemangkatan ayahanda Baginda Almarhum Sultan Badlishah. Baginda Tuanku telah ditabalkan dengan rasminya sebagai Sultan Kedah Darul Aman pada 20 Februari 1959.

Begitu juga dengan izin dan takdir Allah SWT juga hendaknya pada 21 September 1965 Baginda telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang keempat oleh Majlis Raja-Raja Melayu manakala pada tahun 1970, Majlis Raja-Raja Melayu telah melantik Baginda sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong V pada tahun 1970 hingga tahun 1975. Istiadat mengangkat sumpah jawatan telah disempurnakan pada 21 September 1970. Seri Paduka Baginda telah ditabalkan secara rasmi sebagai Yang di-Pertuan Agong V pada 20 Februari 1971 dengan penuh adat istiadat di ibu negara. Baginda berkhidmat bagi tempoh lima tahun sehingga 21 September 1975.

Seri Paduka Baginda telah bertemu jodoh dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah Tuanku Hajah Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 10 Mac 1956 di Istana Sri Menanti, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah ialah puteri sulung Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu (kemudiannya Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu). Seri Paduka Baginda Tuanku dikurniakan tiga orang puteri, iaitu:

- Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah (1966);

- Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tunku Soraya binti Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, (1961); dan

- Yang Teramat Mulia Tunku Sarina binti Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah, (1961) - mangkat pada 31 Ogos 1991.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Almarhumah Tuanku Sultanah Hajah Bahiyah telah mangkat di Istana Kuala Chegar, Anak Bukit, Alor Setar, Kedah pada 26 Ogos 2003. Semoga roh Almarhumah dicucuri rahmat Allah SWT.





Baginda juga telah bertemu jodoh dengan Yang Mulia Che Puan Hajah Haminah binti Hamidun pada 25 Disember 1975. Baginda Tuanku Hajah Haminah dilahirkan di Bagan Serai, Perak, Darul Ridzuan.





Pasangan sehati sejiwa.







Paduka Anakanda dan Cucunda sekalian merupakan penyeri dan pengikat kasih antara Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah telah menyambut Perayaan Jubli Perak sempena Ulang Tahun Pemerintahan Baginda ke-25 pada tahun 1983. Pada bulan Julai 2008 Seri Paduka Baginda telah menyambut Perayaan Jubli Emas sempena Ulang Tahun Pemerintahan Baginda ke-50.

Dengan izin Allah SWT, sejarah negara tercipta apabila Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu kali ke-226 (khas) yang bersidang pada 14 Oktober 2011 telah memilih Baginda sekali lagi sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV bagi menggantikan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang menamatkan tempoh pemerintahan pada 12 Disember 2011.



Gambar kanan: Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Permaisuri melambai kepada rakyat Negeri Kedah sebelum berangkat ke Kuala Lumpur untuk majlis pertabalan Yang di-Pertuan Agong XIV





Istiadat keberangkatan pergi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Shah dan Raja Permaisuri Agong dari negeri Kedah pada Disember 2011


Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah telah dianugerahkan pelbagai Darjah Kebesaran iaitu: D.K. (Februari 1964), D.K.H. (Januari 1973), D.K.M. (Februari 1971), D.M.N. (Februari 1959), D.U.K. (Julai 1958), D.K. (Kelantan-Julai 1959), D.K. (Pahang - Mei 1970), D.K. (Selangor - September 1978), D.K. (Perlis - Jun 1980), D.K. (Negeri Sembilan - Ogos 1982), D.K. (Johor - September 1983), D.K. (Terengganu - Mac 1985), D.K. (Perak), D.K. (Brunei), D.P. (Sarawak - April 1977), D.U.N.M. (1990), S.M.D.K., S.H.M.S., S.G.M.K., S.P.M.K. (Februari 1964), S.S.D.K. (Januari 1973), Grand Cordon of The Order Of The Rising Sun of Japan (Februari 1970), Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia) (Mac 1970), Order of the Rammata (Thailand) 1973, Hon. Knight Grand Cross Order Bath (U.K.) 1974, Asso. Knight Order St. John 1974, Hon. Ph.D (UUM) (2008), Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan – Oktober 2012) dan Knight of the Most Illustrious Order of The Royal House of Chakri (Thailand – September 2013).



Sentiasa menerima kunjungan hormat daripada pemimpin-pemimpin dunia












The Malaysia Book of Records memberi pengiktirafan kepada Tuanku Alhaj Abdul Halim kerana menjadi satu-satunya Sultan yang ditabal dua kali menjadi Yang di-Pertuan Agong, iaitu pada 1970 dan 2011



Seri Paduka Baginda sememangnya terkenal dengan sifat Baginda sebagai seorang Raja yang amat berhemah tinggi, berpertuturan lemah-lembut dan bersopan santun. Baginda seorang pemerintah yang dididik dari kecil dengan nilai-nilai pekerti dan tingkah laku yang berasaskan kepada ajaran agama dan ilmu keduniaan yang luas. Baginda amat mengambil perhatian dalam hal ehwal agama dan juga kepada rakyat jelata terutama yang menyentuh bidang kuasa Baginda sendiri.







Tidak lokek dengan senyuman dan disenangi pelbagai golongan masyarakat



Peri teladan kepada semua





Keprihatinan Baginda jelas terbukti semasa Baginda menjalankan kewajipan sebagai seorang Sultan. Baginda sebagai Sultan Negeri Kedah berangkat setiap hari ke pejabat di Wisma Darul Aman, Alor Setar. Demikian jua, di Istana Negara amalan tersebut tidak ditinggalkan, malahan Baginda akan memperuntukkan lebih banyak masa di Pejabat Baginda di Istana Negara memandangkan Baginda merupakan Ketua Negara bagi Malaysia.



Baginda juga begitu prihatin terhadap kemakmuran dan keharmonian hidup rakyat jelata. Hal demikian terserlah dalam tindakan Baginda menangani permasalahan hal ehwal kemasyarakatan dan keagamaan. Baginda dilihat sentiasa mencemar duli untuk berdamping dengan rakyat jelata. Justeru, Baginda mempunyai hubungan akrab dengan rakyat jelata atau dengan kata lain Raja Berjiwa Rakyat. Bagi merapatkan jurang antara rakyat dan Istana, Baginda mengambil pendekatan turun ke akar umbi untuk menemui khalayak rakyat jelata, maka tidak hairanlah jika Baginda menjadi seorang Pemerintah yang dikasihi dan disegani seluruh rakyat Negeri Kedah Darul Aman khususnya dan negara Malaysia amnya.

Sesungguhnya Baginda tidak dapat memisahkan diri daripada terlibat dalam melakukan aktiviti bersama rakyat. Sebagai landasan untuk membantu dan menyebarluaskan usaha berkenaan, Seri Paduka Baginda telah berkenan untuk menjadi penaung kepada pelbagai persatuan dan kelab, iaitu:-

- Kelab Kedah DiRaja Alor Setar;
- Persatuan Penuntut-Penuntut Melayu, Alor Setar;
- Persatuan Olahraga Amatur Negeri Kedah Darul Aman;
- Kelab Kamera Kedah Darul Aman;
- Oxford and Cambridge Society Malaysia;





- Persatuan Badminton Malaysia;
- Persatuan Orkid Persekutuan Tanah Melayu;
- Persatuan Golf Kedah;
- Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Perkhidmatan Kerajaan Malaysia;
- Penaung Kebangsaan BAPAK;
- Persatuan Murid Tua Kolej Melayu Kuala Kangsar;
- Persatuan Jaksa Pendamai Negeri Kedah Darul Aman;
- Persatuan Perancang Keluarga Kedah Darul Aman;
- Persatuan Penembak Kedah/ Kelab Menembak Kedah Selatan;
- Kelab Rotary Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim;
- Persatuan Angkat Berat Negeri Kedah Darul Aman;
- Vintage Classic Car Register Malaysia and Singapore;
- Persatuan Anak-Anak Kedah di Syria;
- Pertubuhan Bela Didik Anak-Anak Yatim Islam (BEDAYA);
- Ikatan Mahasiswa Islam Darul Aman (IMIDA) di Aceh;
- Kelab Golf Darul Aman, Jitra;
- Persatuan Pengamal Perubatan Homeopati Malaysia;
- National Association of Snooker and Billiard Sports;
- Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (Kedah);
- Kumpulan Guthrie Berhad;
- Yayasan Sultanah Bahiyah; dan
- Persatuan Murid-Murid Tua Kolej Sultan Abdul Hamid Alor Setar.







Gambar kenang-kenangan Tuanku Alhaj Abdul Halim ketika merasmikan Kolej Universiti Insaniah di Alor Setar, Kedah

Bidang pendidikan merupakan bidang yang amat diberi perhatian oleh Seri Paduka Baginda Tuanku. Setiap tahun Baginda dan Raja Permaisuri Agong berangkat menghadiri pelbagai aktiviti di sekolah rendah, menengah, maktab perguruan dan universiti. Di beberapa buah sekolah rendah dan menengah, Baginda telah mencemar duli berangkat pada setiap Hari Anugerah Cemerlang di sekolah-sekolah tersebut semenjak Baginda ditabalkan sehinggalah hari ini, iaitu lebih 50 tahun.



Selain itu, sebagai seorang pemerintah yang cintakan ilmu pengetahuan, Seri Paduka Baginda ialah Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Kolej Universiti INSANIAH Negeri Kedah Darul Aman.







***Gambar atas**: Tuanku sebagai Canselor di beberapa universiti sentiasa mendokong matlamat menjadikan rakyat Malaysia mendapat pendidikan berkualiti*
***Gambar bawah**: Baginda Yang di-Pertuan Agong mencemar duli dan disambut oleh pelajar Universiti Pertahanan Awam Malaysia (UPNM)*



BAB EMPAT

TAKHTA DIJULANG, PERPADUAN DIPERTAHANKAN



Majlis Jamuan Amal Ulang Tahun Kelima Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah di E-City Hotel The Palace@One City, Selangor

MENITIKBERATKAN PERPADUAN ANTARA KAUM

Sebagai seorang insan yang bertanggungjawab dalam memastikan rakyat hidup dalam aman, makmur dan tenteram, Tuanku Alhaj Abdul Halim sangat menitik beratkan hubungan baik sesama kaum tidak mengira agama, pangkat dan budaya.

Baginda bertitah sempena Sambutan Hari Keputeraan rasmi pada 6 Jun 2016 agar rakyat Malaysia mengambil iktibar daripada kekacauan dan kemelut yang berlaku di beberapa negara dunia untuk kestabilan negara.

Baginda amat mementingkan perpaduan kerana Baginda sedar bahawa semua agenda pembangunan negara tidak akan tercapai sekiranya aspek perpaduan tidak dititikberatkan.





Baginda Tuanku Halim menitikberatkan soal kebajikan tentang anak-anak yatim yang tidak bernasib baik

Baginda sering mengingatkan semua pihak supaya menjunjung kedaulatan undang-undang dan Keluhuran Perlembagaan serta Kedaulatan Raja-Raja Melayu. Begitu juga dengan anak negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain meliputi hal kewarganegaraan dan hak asasi tidak wajar dipersoalkan bagi mengelakkan perpecahan.

Selaku Ketua Agama Islam sebagai agama rasmi bagi persekutuan, agama-agama lain masih boleh diamalkan dengan aman, malah pada hari-hari keagamaan yang disambut secara majoriti dan teramai dijadikan sebagai hari cuti umum. Hal ini membuktikan amalan kesederhanaan dan keterangkuman seperti anjuran Islam telah diamalkan dengan subur di negara ini.

Baginda juga memberi sokongan penuh kepada pimpinan Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak yang memperkenalkan Gagasan 1Malaysia. Baginda menerusi titahnya sering mengingatkan rakyat agar memahami dan menghayati konsep 1Malaysia yang telah diketengahkan sebagai kesinambungan kepada usaha kerajaan dalam memupuk perpaduan nasional.

Baginda sering menasihati rakyat agar terus bersatu mengekalkan perpaduan, berkongsi rahmat dan tanggungjawab terhadap tanah air kerana perpaduan merupakan keunikan dan sumber kekuatan negara ini.

Baginda bertitah pada Majlis Santapan Malam Menjunjung Kasih sempena tamat tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda YDP Agong XIV pada 12 Disember 2016 agar ahli-ahli parlimen berfikiran jauh dan bersikap teliti menggubal undang-undang menentukan hala tuju negara dan pelaksanaan dasar.

Hal ini kerana sebagai pemimpin yang hampir kepada rakyat, ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sudah pasti dapat memainkan peranan yang lebih berkesan untuk meningkatkan kefahaman rakyat terhadap Prinsip Rukun Negara.

Para pemimpin diseru mempertahankan keluhuran Perlembagaan Persekutuan terutama perkara-perkara yang menyentuh tentang Raja-Raja Melayu, Agama Islam sebagai agama persekutuan dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan yang merupakan asas dalam Perlembagaan.

Baginda juga mahu memastikan Malaysia mampu mencapai taraf negara maju dan kestabilan dari aspek ekonomi dan sosial perlu dikekalkan. Bagi tujuan itu, seluruh rakyat jelata perlu berganding bahu serta mengetepikan kepentingan diri.











Baginda dan Permaisuri melawat waris tragedi MH17 di Marriot Hotel, Putrajaya pada 26 Julai 2014







Sambutan Hari Kebangsaan mengumpulkan pelbagai golongan masyarakat dalam meraikan kemerdekaan negara dan tanda terima kasih kepada tampuk kepimpinan terdahulu mewariskan negara MERDEKA



Bersama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika Tuanku memberi Tabik Hormat sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016



Tuanku Alhaj Abdul Halim menyampaikan titah sempena Sambutan Maal Hijrah 1434H, 2013M

BAB LIMA

AGAMA DIANGKAT UMMAH BERMARTABAT



KETUA AGAMA ISLAM PERSEKUTUAN



Dalam Perlembagaan telah diperuntukkan tiga institusi berkaitan Raja Melayu iaitu Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu di sembilan buah negeri dan Majlis Raja-Raja. Raja atau Sultan di negeri masing-masing diberi kuasa untuk memelihara adat istiadat orang Melayu dan Pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing manakala Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pula ialah Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak beraja seperti di Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, dan Wilayah-Wilayah Persekutuan.

Namun, apabila sesuatu perbuatan, amalan atau upacara telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja Melayu supaya dilanjutkan ke seluruh Persekutuan, maka Raja-Raja lain sebagai Ketua Agama Islam di negeri masing-masing hendaklah membenarkan Baginda mewakili mereka.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah amat menitikberatkan kemajuan dan perkembangan agama Islam di Malaysia serta memastikan syiar Islam dipelihara dengan baik. Baginda sering meluangkan masa menyertai majlis keagamaan yang dianjurkan.



Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 2014



Satu daripada program yang menyemarakkan sinar Islam ialah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa dan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1435H di Masjid Putra di Putrajaya pada tahun 2014. Ketika Sambutan Maulidur Rasul tersebut, Baginda bertitah agar umat Islam di negara ini perlu sentiasa berusaha memperkukuh persaudaraan serta mengharmonikan pandangan yang berbeza dalam menilai sesuatu perkara. Baginda juga menyeru perpaduan wajib dipupuk dan diperteguh dalam kalangan umat Islam.



Kanak-kanak pewaris bangsa - Tuanku Alhaj Abdul Halim tidak mahu mereka terpengaruh dengan ajaran dan hasutan tidak sihat (Gambar: Persembahan kanak-kanak ketika Sambutan Maal Hijrah 2013 yang dihadiri Tuanku Alhaj Abdul Halim)

Baginda juga berikrar untuk memelihara kesucian agama Islam pada setiap masa dan berdiri teguh atas pemerintahan yang adil dan aman. Walaupun kuasa pemerintahan terletak di tangan Baginda, namun dalam menjalankan kebanyakan tugasnya, Baginda dinasihati oleh Jemaah Menteri atau Menteri yang telah diberikan kuasa oleh Jemaah Menteri.



Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah bersama-sama Senator Dato' Jamil Khir Baharom pada Majlis Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2016



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Tuanku Alhaj Abdul Halim sentiasa menjaga hubungan baik dengan para ilmuan dan cendekiawan Islam dari dalam dan luar negara serta menghargai sumbangan mereka dalam membangunkan agama

Ketika merasmikan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2016/1438 Hijrah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Baginda bertitah agar umat Islam untuk berusaha mengukuhkan lagi permuafakatan dan memantapkan jalinan ukhuwah Islamiah bagi memastikan umat Islam terhindar daripada perpecahan disebabkan perbezaan. Baginda juga mengingatkan umat Islam agar berpegang teguh dengan aqidah serta manhaj wasatiyyah yang dianjurkan Islam.

Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat, ayat ke-10 bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat." Ingatlah segala usaha ke arah meningkatkan kemajuan sosioekonomi ummah, memperkasa tadbir urus hal ehwal Islam serta memartabatkan institusi perundangan dan kehakiman syariah tidak akan berjaya jika umat Islam bertelagah serta berpecah.



Umat Islam seharusnya memiliki kebijaksanaan untuk mengurus perbezaan yang terjadi dengan cara baik. Mereka perlu memberi keutamaan kepada agenda penyatuan ummah dan hendaklah menjauhi segala bentuk perbalahan sesama sendiri. Semua pihak hendaklah mengamalkan adab yang tinggi, sentiasa berlapang dada dan bertoleransi, saling menghormati serta mengasihi antara satu sama lain,

Tuanku Alhaj Abdul Halim









Tuanku Alhaj Abdul Halim juga gemar berjumpa dengan rakyat jelata dan bersua mesra terutama ketika menunaikan Solat Jumaat dan Solat Aidilfitri. Bagi Baginda, umat Islam disaran mengimarahkan masjid dengan pelbagai program sesuai keperluan semasa berikutan institusi itu mampu menjadi benteng kepada perpecahan dan permusuhan dalam kalangan masyarakat. Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah, institusi masjid turut berperanan sebagai penyelesai kepada cabaran dalam masyarakat termasuk isu membabitkan keruntuhan akidah serta moral.

"Beta gembira dengan wujudnya kesepakatan dan kefahaman itu sudah menghasilkan kesan yang amat besar dalam kerangka menjadikan institusi masjid sebagai medan membangun dan membina kesejahteraan umat Islam sepanjang zaman". Demikian titah Baginda ketika merasmikan Sambutan 50 Tahun Masjid Negara. Turut hadir Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Masjid Negara ke-50, pada 27 Ogos 2015


TM

BAB ENAM

SUKAN DAN HOBI



Penglibatan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dalam aktiviti sukan lebih bersifat pendorong, menggalakkan serta menyerikan suasana terhadap sesuatu program, acara atau kejohanan sukan yang diadakan di negara ini. Melalui penglibatan tersebut, banyak impak positif terhadap pembangunan sukan, di samping menaikkan imej negara dalam arena sukan antarabangsa.

Sepanjang lima tahun menaungi Malaysia dan khususnya Kedah, Baginda yang terkenal dengan sifat berhemah tinggi, pertuturan lemah lembut dan sopan itu tidak ketinggalan menunjukkan minat yang mendalam dalam arena sukan.

Selain sibuk dengan pentadbiran negara dan kerja-kerja amal, Tuanku Alhaj Abdul Halim bijak memperuntukkan sebahagian masa untuk beriadah, berekreasi dan bersukan.

Melancong juga merupakan aktiviti kegemaran Baginda Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong





Kecintaan Baginda terhadap sukan air cukup mendalam, dikatakan antara sukan yang paling digemari Baginda. Hal ini dapat dilihat dengan kehadiran Baginda setiap kali berlangsungnya Temasya Sukan Sungai di Tanjung Chali, Alor Setar, Kedah sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda pada setiap tahun.

Baginda berkenan mencemar duli untuk bersama rakyat menyaksikan, malah memberikan hadiah kepada pemenang. Ternyata sukan dwitahunan yang dimulakan pada tahun 1931 itu kembali menjadi tali pengikat kasih antara Tuanku Alhaj Abdul Halim bersama rakyat.

Selain sukan air, Baginda juga meminati sukan golf, malahan sewaktu muda gemar bermain tenis dan biliard. Meskipun sekarang, Baginda hanya bergiat dalam permainan golf, tetapi sentiasa mengikuti perkembangan sukan negara dari semasa ke semasa.

Antara hobi Baginda termasuk fotografi dan mengumpul haiwan eksotik di istana Baginda, membaca, dan muzik. Baginda juga merupakan seorang pemerintah yang mencintai alam semula jadi dan sentiasa memberikan perhatian kepada pemuliharaan flora dan fauna. Baginda juga amat berminat kepada pemeliharaan haiwan seperti pelbagai jenis burung kegemaran dan juga binatang seperti kuda dan rusa di Istana Anak Bukit. Baginda amat mengambil berat terhadap pengawasan binatang peliharaan tersebut.









Tuanku membelai haiwan-haiwan yang terdapat di Festival Bunga dan Taman Putrajaya pada 14 Jun 2014.



Kesayangan- Haiwan peliharaan seperti kucing berbaka eksotik amat disayangi Baginda Tuanku







KEDAH JUARA - Pasukan bola sepak Kedah diraikan Tuanku Alhaj Abdul Halim dalam majlis yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Kedah





Sokongan padu dan tidak berbelah bahagi kepada pasukan kesayangan Baginda menyuntik semangat pasukan Kedah memberikan yang terbaik

Baginda turut memberikan perhatian serius terhadap perkembangan sukan bola sepak negara khususnya Pasukan Negeri Kedah dan sentiasa memberikan perangsang dan menyuntik semangat bagi menjulang nama Negeri Kedah dalam arena bola sepak tanah air.

Kejayaan pasukan Kedah membawa pulang semula Piala Malaysia buat kali kelima pada 29 Oktober 2016 turut menjadi saat-saat indah buat Baginda dan menganggap kejayaan ini sebagai hadiah terbaik daripada pasukan bola sepak negeri kepada rakyat Kedah.

Baginda dan Raja Permaisuri Tuanku Hajah Haminah turut meraikan kejayaan pasukan Helang Merah itu dengan berkenan berangkat ke Majlis Santapan Malam di Dewan Serbaguna Istana Negara bersama para pemain. Majlis itu memperlihatkan betapa bola sepak cukup menjadi perhatian Yang di-Pertuan Agong yang sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan sukan berkenaan di Kedah.



Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah berkenan menyampaikan Anugerah Sukan Negara 2015 Olahragawati Kebangsaan kepada Pandelela Rinong di PICC disaksikan Menteri Belia dan Sukan, Khairi Jamaluddin Abu Bakar.

Tuanku Alhaj Abdul Halim juga rapat dengan rakyat melalui penyertaan aktif dalam pelbagai aktiviti Persatuan Murid-Murid Tua Kolej Sultan Abdul Hamid, Vintage Classic Car Register Malaysia and Singapore, Persatuan Snuker dan Biliard Malaysia, Persatuan Golf Kedah dan Yayasan Sultanah Bahiyah. Baginda juga memberikan sokongan penuh kepada Majlis Sukan Negara dalam melahirkan atlet-atlet terbaik dan turut menyampaikan anugerah-anugerah kepada atlet-atlet yang mengharumkan nama negara.







***Gambar atas**: Tuanku Alhaj Abdul Halim bergambar di Acara Pertandingan Golf Empat Penjuru Piala Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 4 Oktober 2016*
***Gambar kiri**: Jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei dan ratu terjun negara Pandelela Rinong dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan pada Anugerah Sukan Negara 2012*
***Gambar kanan**: Sultan Kedah Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mengurniakan pingat Ahli Semangat Jerai Kedah (A.S.K) kepada penerima Anugerah FIFA PUSKAS Mohd Faiz Subri*



BAB TUJUH

TUANKU DI PERSADA ANTARABANGSA



Menerima kunjungan daripada Duke of Cambridge Putera William

Malaysia merupakan negara yang telah lama menjalin hubungan antarabangsa dengan negara serantau dan negara-negara luar yang lain. Sejak berkurun lama dahulu hubungan perdagangan bersama China, pedagang Arab, India, juga hubungan diplomatik dengan negara jiran seperti Thailand dan Indonesia membuktikan hubungan kukuh dan dua hala ini amat penting dalam mencorak pembangunan dari segi ekonomi, sosial dan seterusnya politik yang stabil.

Hubungan serantau bermaksud kerjasama antara negara di bawah pemerintahan pemimpin tertinggi dalam konteks Malaysia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan negara lain bagi kepentingan dan kebaikan bersama. Jaringan hubungan diplomatik global juga penting untuk secara bersama menangani ancaman keselamatan. Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah yang berjiwa rakyat, turut memiliki kelebihan dan keistimewaan di peringkat antarabangsa.



Sebagai Ketua Negara Malaysia, Baginda mengeratkan lagi hubungan dua hala Malaysia dengan negara-negara luar melalui acara lawatan negara ke negara-negara asing dan sebagai tuan rumah menerima kunjungan ketua-ketua negara dunia.

Sebagai Payung Negara, Seri Paduka Baginda Tuanku Alhaj Halim Mua'dzam Shah sering memberi penekanan dalam memantapkan jalinan kerjasama dua hala dalam bidang ekonomi, pelaburan, perdagangan, pelancongan, pendidikan, sains dan teknologi untuk manfaat kepada rakyat Malaysia dan juga rakyat di luar negara.







Menurut titah Baginda ketika melawat Presiden Vietnam Tuan Yang Terutama, Tuan Truong Tan Sang dan Wanita Pertama Tran Mai Hanh di Hanoi pada 6 September 2013, komitmen menjadikan ASEAN rantau terunggul selepas tertubuhnya ASEAN pada 8 Ogos 1967 juga tidak pernah luntur. Deklarasi ASEAN dalam ASEAN Charter dan garis panduan tiga tonggak Komuniti ASEAN 2015 juga dicapai mengikut jadual dan perancangan. Menerusi Sidang Kemuncak Negara-Negara ASEAN 2015 yang dipengerusi Malaysia, kesemua pencapaian telah dibentangkan dan ditambah baik untuk membentuk Komuniti ASEAN 2020 pula.





Tuanku Alhaj Abdul Halim berkenan menerima pelbagai gelaran dan anugerah daripada kerajaan negara lain, iaitu:

Brunei
Recipient of Royal Family Order of Brunei (DKMB)

Jepun
Collar of the Order of the Chrysanthemum (1970)
Cordon of the Order of the Rising Sun

Indonesia
First Class Recipient of the Collar of the Order of the Star of Mahaputera (1970)

Iran
Collar of the Order of Pahlavi (1971)
Commemorative Medal of the 2500th Anniversary of the founding of the Persian Empire (14 October 1971)

United Kingdom
Associated Knight of the Venerable Order of St. John (KStJ) (1972)
Honorary Knight Grand Cross of the Order of the Bath (GCB) (1972)

Thailand
Knight of the Most Auspicious Order of the Rajamitrabhorn (1973)
Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (2 September 2013)

Sepanyol
Collar of the Order of Charles III (1974)

Pakistan
First Class Recipient of Nishan-e-Pakistan (1974)

Putera Mahkota Thailand, Putera Maha Vajiralongkorn telah menyampaikan Darjah Tertinggi Kerajaan Thailand (The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri) bagi pihak ayahandanya, Raja Bhumibol Adulyadej sempena lawatan Tuanku Alhaj Abdul Halim pada 2 September 2014. Majlis ini diadakan di istana tetamu Klai Kangwon Palace, Hua Hin, Thailand.









Tuanku Hajah Haminah mengadakan lawatan ke Rumah Palang Merah Kanak-Kanak Bangkok dengan diiringi Puteri Maha Chakri Sirindhorn.





Seri Paduka Baginda Tuanku berdua berjumpa dan beramah mesra bersama anak-anak kakitangan Kedutaan Malaysia di Bangkok, Thailand.



Tuanku telah berangkat ke Brunei pada bulan Mei 2012 yang merupakan lawatan pertama Baginda Tuanku ke luar negara setelah ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV pada 11 April 2012. Hubungan diplomatik dua negara bersama Sultan Hassanal Bolkiah sangat dekat di hati kedua-dua pemimpin kerana di bawah satu rumpun agama, budaya dan adat resam yang sama begitu juga dengan negara Indonesia.



Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah diiringi Sultan Hassanal Bolkiah berkenan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan pada majlis kunjungan muhibah sempena lawatan rasmi ke Bandar Seri Begawan, Brunei.



Seri Paduka menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Asr Hassanl Bolkiah bersama Sultan dan rakyat Brunei.



Lawatan ke Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Jabatan Mufti Kerajaan dan ke Royal Regalia untuk melawat bangunan alat-alat kebesaran Diraja Brunei.



Tuanku Alhaj Abdul Halim turut menjemput Presiden Indonesia Joko Widodo dan isteri Iriana ke Malaysia pada bulan Mei 2015. Antara hasil lawatan sulung Jokowi termasuklah pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Proton Holdings Bhd dengan PT Adiperkasa Citra Lestari (PT ACL) dari Indonesia bagi membantu syarikat itu membangunkan dan mengeluarkan kereta nasional Indonesia.





Berjiwa Seni - Tuanku turut mencemar duli dalam lawatan terdahulu ke Jabatan Muzium Indonesia pada 4 Disember 2012



Presiden Indonesia dan isteri turut di bawa melawat Istana Negara yang baharu

PENGHORMATAN MAHARAJA JEPUN

Persahabatan Tuanku Alhaj Abdul Halim dengan Maharaja Akihito dan Maharani Michiko terjalin sejak tahun 1970. Lawatan Maharaja Akihito ke Malaysia pada waktu itu sebagai Putera Mahkota Jepun, sementara Tuanku Alhaj Abdul Halim memegang jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga bertemu dalam dua siri lawatan Maharaja Akihito dan Maharani Michiko ke Malaysia pada tahun 1991 dan tahun 2006. Baginda berdua bertemu lagi sewaktu sama-sama menghadiri sambutan Jubli Intan Ratu Elizabeth di London pada tahun 2012.

Kemudian sebaik sahaja menaiki takhta sebagai Yang di-Pertuan Agong untuk kali kedua pada 13 Disember 2011, Baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah diundang berkunjung ke Jepun pada bulan Oktober 2012.



Gambar atas: *Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan memeriksa perbarisan kawalan kehormat pada sambutan rasmi lawatan negara Baginda ke Jepun.*
Gambar bawah: *Sambutan rasmi negara oleh Tentera Diraja Jepun di Dataran Istana Rasmi Maharaja Jepun, Imperial Palace. Turut kelihatan ialah Tunku Temenggung Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin ibni Almarhum Sultan Badlishah, Toh Puan Temenggung of Kedah, Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff, dan Tunku Panglima Besar Kedah Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah*









Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong menghadap Perdana Menteri Jepun Yoshihiko Noda dan isteri Hitomi Noda di Istana Tetamu Akasaka pada 4 Oktober 2012



Di sana, Baginda dan Raja Permaisuri Agong diberikan sambutan penuh istiadat dan diraikan dengan Majlis Santapan Diraja di Kamar Bambu (Take-no-Ma) di Istana Maharaja Jepun.

Ada juga persamaan dalam ciri-ciri unik antara kedua-dua Ketua Negara Malaysia dan Ketua Negara Jepun apabila pada tahun 2015, Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Maharaja Akihito, sama-sama disenaraikan oleh akhbar '*The Guardian*' sebagai antara 10 pemerintah monarki yang terpanjang tempoh pemerintahannya di dunia.



Gambar atas: *Maharaja Akihito dan Maharani Michiko menyambut keberangkatan tiba Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah bagi menghadiri Majlis Santapan Diraja di Istana Maharaja (Imperial Palace)*
Gambar kiri: *Minum Ucap Selamat daripada Tuanku Alhaj Abdul Halim kepada Maharaja Akihito*
Gambar bawah: *Titah ucapan balas oleh Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah*



PANDANG KE TIMUR

Sebagai pemerintah yang berpandangan jauh, Tuanku Alhaj Abdul Halim bertitah bahawa dasar "Pandang ke Timur" memainkan peranan penting dalam mencetus program pertukaran budaya yang berjaya mewujudkan jalinan persahabatan, persefahaman serta perpaduan teguh dalam kalangan belia kedua-dua negara.

Tuanku Alhaj Abdul Halim turut bertitah bahawa pertumbuhan ekonomi yang pesat dan kedudukan Jepun yang tersohor dalam kalangan komuniti antarabangsa akan terus menjadi inspirasi kepada Malaysia.



Baginda mengingatkan semua rakyat Malaysia yang bermastautin di Jepun supaya sentiasa menjaga nama baik dan imej Malaysia dalam apa jua perkara yang dilakukan sepanjang berada di negara itu dan sentiasa menghormati adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan.

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong melawat Skytree Tower, menara telekomunikasi paling tinggi di dunia, di Sumida-ku,



HUBUNGAN DENGAN CHINA

Dua kali menjadi Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Alhaj Abdul Halim turut menyaksikan tiga pertemuan bersejarah antara pemimpin Malaysia dengan China.

Semasa menjadi Yang di-Pertuan Agong kelima, Baginda menyaksikan pertemuan sulung antara Perdana Menteri ketika itu Tun Abdul Razak Hussein dengan Pengerusi Mao Zedong pada pertengahan tahun 1974, yang memulakan hubungan diplomatik Malaysia-China.


Pada bulan Oktober 2013, Presiden China Xi Jinping melakukan lawatan negara ke Malaysia telah mengunjungi Tuanku Alhaj Abdul Halim, sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV.



Lawatan ke wilayah Guangzhou diiringi Tunku Temenggong Kedah Tan Sri Tunku Sallehhuddin Sultan Badlishah dan anakanda Tunku Panglima Besar Kedah Tunku Puteri Intan Safinaz










Terdahulu pada bulan Mac tahun yang sama, Baginda berkenan menerima kunjungan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Perundingan Politik China, Jia Qinglin.

Pada bulan September 2014, Baginda pula telah membuat lawatan ke Beijing dan Baginda diberikan sambutan rasmi oleh Presiden Xi dan isteri, Peng Liyuan.

Pada kedua-dua pertemuan itu, Baginda dengan konsisten menyatakan keyakinan terhadap perkembangan baik hubungan dua hala Malaysia-China yang membawa faedah kepada kedua-dua negara dan rantau Asia secara amnya.

Disambut penuh istiadat oleh Presiden China Xi Jin Ping





Pertemuan empat mata - Baginda berdua bertemu dengan Presiden China Xi Jin Ping seterusnya menghadiri Majlis Jamuan Rasmi Negara di Dewan Besar Rakyat (Great Hall of the People).



KERJASAMA STRATEGIK AMERIKA SYARIKAT

Tuanku Alhaj Abdul Halim mempunyai peranan tersendiri pada kedua-dua siri lawatan bersejarah pemimpin Amerika Syarikat ke Malaysia. Baginda menyandang jawatan sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong ketika kunjungan pertama Presiden Amerika Syarikat, iaitu Lyndon B. Johnson pada tahun 1966.

Pada April 2014, Baginda menerima kunjungan Presiden Barack Obama pula sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV, ketika Presiden Amerika Syarikat itu mengadakan lawatan ke Malaysia.

Presiden Obama dalam ucapannya pada Majlis Jamuan Negara di Istana Negara telah mengulangi kekaguman Presiden Johnson terhadap Malaysia dalam ucapan beliau di Istana Negara.



"Betapa kagumnya beliau (Johnson) tentang kesegaran dan minat luar biasa pada wajah rakyat di sini dan saya juga begitu ingin melihat semangat 'boleh' yang sama", ucap Obama.

Pada majlis yang sama, Tuanku Alhaj Abdul Halim menyampaikan ucapan terima kasih kepada Obama atas penglibatan beliau dalam misi pencarian pesawat MH370 sambil menyifatkannya sebagai bukti hubungan kukuh antara kedua-dua negara.

Baginda turut bertitah Malaysia akan terus berusaha memupuk hubungan kukuh dan berkekalan dengan Amerika Syarikat sebagai asas dalam usaha mewujudkan kestabilan dan kemakmuran bagi kedua-dua negara.

Sepanjang lima tahun pemerintahan Tuanku Alhaj Abdul Halim, Baginda telah menerima kunjungan hormat dari pelbagai negara lain antaranya termasuk United Kingdom, Myanmar, Tajikistan, Filipina, Swaziland, Kazakhstan, Republik Chech dan Bahrain.



Kerjasama strategik dan hubungan diplomatik terus diperkukuhkan



BAB LAPAN

SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU HAJAH HAMINAH



Bergambar di hadapan Taman Diraja sempena Festival Floria Putrajaya





Baginda dimasyhurkan sebagai Sultanah Negeri Kedah Darul Aman dengan gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Haminah pada 9 Januari 2004

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah telah diputerikan pada 15 Julai 1953 bersamaan 3 Zulkaedah 1372H di Bagan Serai, Perak Darul Ridzuan. Baginda merupakan anak keempat daripada tujuh orang adik-beradik bagi pasangan Tuan Haji Hamidun bin Taib dan Puan Hajah Isma binti Mohamad. Baginda menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Matang Jelutong, Bagan Serai, Perak dan Sekolah Menengah Inggeris Bagan Serai, Perak. Tuanku Hajah Haminah adalah merupakan Canselor Management and Science University (MSU), Shah Alam.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah bertemu jodoh dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Baginda Berdua selamat diijabkabulkan pada 25 Disember 1975. Baginda telah dikurniakan gelaran Yang Mulia Che Puan dan seterusnya pada 9 Januari 2004, Baginda dimasyhurkan sebagai Sultanah Negeri Kedah Darul Aman dengan gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Hajah Haminah binti Hamidun berikutan kemangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Bahiyah pada 26 Ogos 2003. Sebagai Sultanah Negeri Kedah, Baginda sentiasa bersama Tuanku Sultan ke Majlis-majlis Rasmi Kerajaan dan Baginda juga turut serta berangkat melawat daerah-daerah seluruh Negeri Kedah bagi meninjau kehidupan rakyat sekaliannya.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Yang Amat Mulia Negeri Kedah Darul Aman (D.K.) pada tahun 2004, Darjah Kerabat Halimi (D.K.H.) sempena Perayaan Jubli Emas 50 Tahun Pemerintahan Sultan Kedah pada 15 Julai 2008, dan Darjah terkini yang telah diterima oleh Baginda ialah Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) pada 26 Januari 2012, Grand Cordon of The Order of the Precious Crown (Jepun) pada 6 Februari 2013 dan Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand) pada 3 September 2013.

Baginda begitu menitikberatkan nilai-nilai agama dan kebajikan seiring dengan penyuburan nilai-nilai tradisi, adat dan budaya Melayu. Sehubungan itu, Baginda telah berangkat menunaikan Fardu Haji pada tahun 1983 dan yang terbaru bersama-sama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2012, di samping mengerjakan ibadah umrah yang menjadi sebahagian daripada amalan Baginda sekiranya mempunyai kelapangan. Begitu juga sepanjang bulan Ramadan, Baginda akan sentiasa menunaikan solat Tarawih bersama-sama rakyat di masjid-masjid sekitar Alor Setar, Kedah terutamanya di Masjid Sultanah Bahiyah dan Masjid Zahir. Keperibadian diri sebagai wanita Melayu yang mengutamakan sopan santun dan kelembutan adat budaya Melayu sentiasa diutamakan. Baginda sentiasa tertib dalam menjaga keterampilan sesuai dengan kedudukan Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong. Begitu juga dalam konteks etika sosial, kuntuman senyum sudah menjadi satu simbol yang sering dikaitkan dengan diri Baginda Tuanku semasa tampil bersemuka dengan golongan rakyat. Seyogia diingat, Baginda sangat prihatin dalam mengambil kira permasalahan hidup rakyat terutama isu yang bersangkutan dengan kanak-kanak, hal ehwal wanita dan juga warga emas.





Raja Permaisuri Agong aktif berpersatuan dan menjalankan aktiviti kebajikan.





Simpati - Baginda Tuanku Permaisuri menitiskan air mata ketika menonton segmen mengenang jasa pasukan keselamatan yang terkorban dalam Ops Sulu di Lahat Datu, Sabah

Manifestasi daripada nilai kelembutan seorang wanita yang penyayang, Seri Paduka Baginda sentiasa peka dengan perkembangan semasa berkaitan dengan lingkungan kehidupan kanak-kanak sebagai legasi negara pada masa depan. Malah, Baginda begitu menyenangi dan menyayangi kanak-kanak. Baginda turut mengambil maklum akan golongan kanak-kanak yang memerlukan bantuan. Justeru, atas inisiatif Baginda sendiri, Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Hajah Haminah, iaitu sebuah yayasan berasaskan kebajikan yang bermatlamat untuk membela nasib kanak-kanak kurang bernasib baik terutamanya anak-anak yatim telah ditubuhkan.



Semangat Baginda bagi membela nasib kanak-kanak ini diperlihatkan sendiri dengan keterlibatan Baginda sebagai penggerak sesuatu aktiviti yayasan. Sebagai contoh, sekalipun sibuk dengan tugas-tugas rasmi, Baginda akan sentiasa berangkat bagi mengurniakan sendiri bantuan kepada anak-anak yatim yang akan memulakan persekolahan dan juga sumbangan sempena sambutan Aidilfitri menerusi yayasan Baginda.







Melawat Pameran Barangan Kraf Tangan anjuran Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) pada 2016







Raja Permaisuri Agong berkenan mencemar duli menaiki tren ETS di Stesen KTM Kuala Lumpur



Sifat penyayang Tuanku Hajah Haminah terserlah ketika bersama Anak-Anak Yatim Daerah Kuala Muda Anjuran Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Haminah di Sekolah Pendidikan Khas, Sungai Petani 26 November 2013



Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah Menerima Kunjungan Hormat First Lady di Istana Negara, Kuala Lumpur 1 Jun 2016



Melawat pameran barangan aksesori wanita sempena Islamic Fashion Festival 2013



Pencinta Alam Sekitar - Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan melawat kawasan pameran dan merasmikan Festival Orkid dan Bonsai KL 2015





Begitu juga, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah tidak pernah membatasi pergerakan Baginda dalam menjalin hubungan dengan rakyat menerusi aktiviti amal dalam konteks kemasyarakatan dan kemanusiaan. Dorongan dan galakan Baginda diperlihatkan dengan keterlibatan Baginda sendiri sebagai penggerak sesuatu aktiviti, persatuan atau pertubuhan di negeri Kedah. Baginda ialah Penaung Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Kedah, Persatuan Pandu Puteri Negeri Kedah, Persatuan Ibu Tunggal Negeri Kedah dan Woman Institution. Di peringkat persekutuan, Baginda merupakan Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan Lembaga Kebajikan Perempuan-Perempuan Kebangsaan.



Tuanku Hajah Haminah merupakan pencinta seni gubahan seperti bunga dan ukiran buah


ecuador
la vida



Tuanku Hajah Haminah menghargai dan memuji tindakan badan swasta dalam menjalankan kebajikan sosial. (Gambar: Menyempurnakan Majlis Penyerahan Toyota Hilux sumbangan UMW Toyota Motor kepada Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Haminah)



MEMINATI SUKAN GOLF DAN BERIADAH

Walaupun rutin harian Baginda dipenuhi dengan tugas-tugas rasmi dan sosial, Baginda tidak pernah mengabaikan aspek penampilan dan kesihatan diri. Baginda akan cuba membahagikan masa Baginda bagi aktiviti peribadi yang bercorak riadah dan sukan. Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah menaruh minat yang mendalam terhadap sukan golf. Baginda sememangnya terkenal dengan kehandalan Baginda tatkala menyertai pelbagai kejohanan golf wanita. Pelbagai kejohanan golf wanita telah disertai oleh Baginda antaranya termasuklah Penang Open dan Perak Open. Kejohanan yang meninggalkan kenangan manis buat diri Baginda ialah Pertandingan Golf Piala Bapa Malaysia pada tahun 1987 yang mana Baginda merupakan Johan Pertandingan dan hadiah kejohanan telah disampaikan sendiri oleh Bapa Malaysia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Atas kesungguhan serta minat mendalam Baginda dalam sukan ini, Baginda telah menjadi pendorong kepada pelbagai pertandingan golf wanita di negeri Kedah. Selain golf, Baginda juga turut meminati permainan skuasy, tenis dan badminton.








PENN



Dalam melayari rutin seharian di istana Baginda, menepati naluri seorang wanita, Baginda amat menitikberatkan ruang yang kemas dengan persekitaran teratur, sempurna dan bersih. Dengan minat dan kemahiran yang dimilikinya, Baginda melakukan sendiri kerja-kerja hiasan dalaman di dalam kediaman Baginda sebagai rutin harian mengisi masa lapang Baginda sekiranya tidak terikat dengan aktiviti rasmi dan sosial. Malah, Baginda amat berpuas hati sekiranya dapat melihat kediaman hasil sentuhan peribadi Baginda berdekorasi mengikut cita rasa yang dikehendaki. Selain kecenderungan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong terhadap kerja-kerja mereka bentuk hiasan dalaman, terdapat satu lagi cabang kemahiran yang dimiliki oleh Baginda iaitu cekap dalam membahagikan waktu untuk mencari kesempatan memasak untuk santapan keluarga tercinta, terutama dalam menyediakan hidangan kegemaran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim pada bulan Ramadan. Bukan itu sahaja, Baginda sering melapangkan masa Baginda setiap hari untuk memenuhi hobi Baginda iaitu membaca pelbagai buku ilmiah dan berbentuk keagamaan serta mendengar alunan pelbagai genre muzik selain melancong dan bermain golf.

Tuanku Permaisuri telah berkenan mencemar duli melawat ruang niaga usahawan di Hari Kraf Kebangsaan 2013 yang diiringi oleh Datin Seri Masnah Rais pada 4 Mac 2013







Tuanku Hajah Haminah dan Datuk Seri Tengku Adnan Mansor bersama chef-chef terkemuka ketika merasmikan Kuala Lumpur Big Kitchen Festival 2015



BAB SEMBILAN

RAJA BERJIWA RAKYAT



Tuanku Alhaj Abdul Halim diberikan penerangan oleh wakil jualan jam selepas merasmikan pusat beli-belah di Aman Sentral Alor Setar sambil disaksikan Menteri Besar Kedah

Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah merupakan seorang putera raja yang berhemah tinggi. Baginda terkenal dengan pertuturan yang lemah lembut dan bersopan santun. Baginda ialah seorang pemerintah yang dididik daripada kecil dengan nilai-nilai pekerti dan tingkah laku yang berasaskan kepada ajaran agama dan ilmu keduniaan yang luas. Baginda amat mengambil perhatian hal ehwal agama dan rakyat jelata terutama yang menyentuh bidang kuasa Baginda.

Keprihatinan Baginda jelas terbukti apabila Baginda berangkat setiap hari ke Wisma Darul Aman, Alor Setar, iaitu pusat pentadbiran Kerajaan Negeri. Baginda mahu merapatkan diri dengan kerajaan untuk memudahkan para pentadbir berunding dengan Baginda tanpa mengambil masa menghadap di istana. Baginda dan Menteri Besar sentiasa berbincang dan untuk menyelesaikan perkara mustahak khususnya dalam menjaga keprihatinan rakyat jelata yang berada di bawah naungan Baginda.



MENYAYANGI RAKYAT JELATA

Baginda amat prihatin dengan tiga perkara, iaitu hal berkaitan agama, Perkhidmatan Tadbir Awam Kedah (KCS) dan adat istiadat Melayu. Menteri Besar Kedah turut menyatakan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah tekun bekerja sepanjang hari seperti rakyat jelata kerana Baginda berkenan berangkat ke pejabat kira-kira pukul sembilan pagi dan pulang ke istana untuk bersantap dan kadangkala Baginda berangkat semula ke pejabat pada sebelah petang. Hal ini kerana semua fail dan dokumen berkaitan bidang kuasa Baginda disimpan di pejabat. Baginda sangat merendah diri dengan pergi ke pejabat sendiri untuk menyemak dokumen dan sebagainya. Baginda juga amat rapat dengan kakitangan bawahannya disebabkan Tuanku Alhaj Abdul Halim berpengalaman dalam bidang pentadbiran Kerajaan Negeri, misalnya pernah bertugas di Pejabat Tanah dan Galian dan Pejabat Daerah sebelum naik takhta menjadi Sultan Kedah ke-27 pada 14 Julai 1958.



Baginda menguruskan pentadbiran di Wisma Darul Aman dan amat rapat dengan semua kakitangan Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah



Umum mengetahui apabila bertitah dan bercakap dengan rakyat Baginda mesra dengan senyuman dan sapaan. Bahkan, Baginda seorang yang penuh berhemah dan berdiplomasi. Baginda seorang raja yang mesra dan mengetahui banyak perkara.

ANAK-ANAK IKUT JEJAK LANGKAH



Baginda amat menyayangi dan mengasihi ketiga-tiga anakanda, iaitu Tunku Puteri Intan Safinaz, kedua-dua anak kembar Tunku Soraya dan Tunku Sarina.

Pada 26 Ogos 2003, Tuanku Sultanah Bahiyah telah mangkat di Istana Kuala Chegar, Anak Bukit. Anakanda bongsu Tunku Sarina juga telah mangkat pada 31 Ogos 1991 kerana gering. Walaupun kehilangan kedua-dua insan yang sangat dikasihi, Baginda meneruskan kecemerlangan dan mewariskan sikap penyayang dan keperibadian mulia kepada Tunku Puteri Intan Safinaz dan Tunku Soraya yang turut gemar menjalankan aktiviti kebajikan dan amal bersama rakyat.







Sifat gemar melakukan aktiviti kebajikan dan melawat mereka yang kurang bernasib baik diwarisi puteri-puteri Baginda Tunku iaitu Puteri Intan Safinaz dan Tunku Soraya

Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Puteri Intan Safinaz

Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz saling tak tumpah seperti ayahandanya yang sangat mencintai sukan, haiwan dan fotografi.

Menerusi temu bual khas wartawan BERNAMA dengan Tunku Puteri Safinaz Tuanku Abdul Halim, menceritakan saat berpeluang mengiringi ayahandanya ke seluruh pelosok dunia dan negeri sejak kecil atas urusan rasmi. Tunku Puteri Intan Safinaz berkata Tuanku Alhaj Abdul Halim sangat tinggi etika kerjanya dan sifat itu dikekalkan hinggalah sekarang.

Beliau dapat melihat kegembiraan bersinar pada wajah rakyat setiap kali Sultan Kedah mencemar duli berangkat ke majlis hari anugerah pelajar cemerlang bagi sekolah-sekolah yang terbaik di Kedah, suatu ketika dahulu.





Baginda Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan soal kejayaan dalam bidang akademik dan juga sukan.





Mengaminkan doa memberkati majlis sejahtera bersama rakyat

Semenjak Tunku Safinaz kecil hingga sekarang, Baginda Tuanku Abdul Halim tekun menjalankan kerja-kerja berbentuk keraian dan acara luar, kemasyarakatan dan istana, acara rasmi, aktiviti ketenteraan serta aktiviti pendidikan di universiti tanpa pernah mengenal erti lelah dan jemu.

Menurut beliau, ayahandanya amat bertuah kerana berpeluang melihat dua era ekonomi selepas merdeka yang cukup jauh berbeza di bawah pentadbiran dua Perdana Menteri. Ketika Baginda menyandang jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong V, Tun Abdul Razak Hussain ialah Perdana Menteri kedua Malaysia, dan sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV pula, Baginda berganding dengan anakanda Tun Abdul Razak, iaitu Perdana Menteri keenam, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Tuanku dapat melihat transformasi ini berlaku di bawah pentadbiran negara dan ekonomi selepas dan sebelum kemerdekaan negara.



Antara kenangan manis dua era ini termasuklah ketika mengiringi ayahandanya suatu ketika dahulu dengan pengalaman menaiki kereta api dari negeri ke negeri dalam rangka lawatan, kerana pada era Tuanku menjadi Yang di-Pertuan Agong dahulu sistem pengangkutan sangat terhad, hendak bergerak dari satu tempat ke satu tempat mengambil masa yang lama. Malah kadangkala mereka juga menaiki kapal terbang tentera udara yang sangat asas.

Berbeza dengan sekarang, Tunku Puteri Intan Safinaz mengatakan transformasi ekonomi memperlihatkan kewujudan tren moden, kapal terbang canggih, ratusan universiti awam dan swasta, kemudahan Internet dan rakyat juga mendapat pendidikan tinggi. Tuanku Alhaj Abdul Halim selalu mengingatkan beliau agar bersyukur dengan arus kemodenan yang membawa banyak keselesaan, namun tidak melupakan mereka yang kurang bernasib baik yang kadangkala ketinggalan dalam arus masa kini. Tuanku Alhaj Abdul Halim juga amat mementingkan soal pendidikan kepada anakanda Baginda kerana pendidikan menjadi tonggak kejayaan diri, keluarga dan negara.



Tuanku Alhaj Abdul Halim menyeru rakyat bersyukur dengan kemudahan dan teknologi pada masa kini.








Dari kiri: Tunku Soraya Tuanku Alhaj Abdul Halim, Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah isteri Raja Muda Perak Raja Jaafar Ibni Raja Muda Musa dan Raja DiHilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Ibni Almarhum Sultan Idris Shah (suami Tunku Soraya).

Yang Teramat Mulia Dato' Sri Diraja Tunku Soraya

Tunku Soraya selaku puteri Tuanku Sultan Abdul Halim berkata sifat mesra ayahandanya itu sangat disenangi rakyat dan kakitangan istana. Baginda juga sangat menghargai setiap kakitangan yang berkhidmat dengannya. Baginda sentiasa prihatin akan kebajikan rakyat jelata dan mahukan yang terbaik. Nilai ini diterapkan dalam diri kami sejak kecil, jadi kami sentiasa menjaga nama baik Baginda dan gemar menjalankan tugas yang sama, ujar Tunku Soraya.

YTM Tunku Soraya telah melangsungkan perkahwinan dengan YAM Raja Dato' Sri Iskandar Zukarnain ibni Almarhum Sultan Idris. Hasil perkahwinan ini, mereka dikurniakan lima cahaya mata yang sangat disayangi Baginda Tuanku Alhaj Abdul Halim. Pada 20 Jun 2014, Raja Dato' Sri Iskandar Zukarnain telah dilantik menjadi Raja DiHilir Perak dan membawa gelaran Duli Yang Amat Mulia Raja Dato' Sri Iskandar Zukarnain ibni Almarhum Sultan Idris Shah dan YTM Tunku Soraya telah diberi gelaran Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak.













Corat coret - Yang di-Pertuan Agong bersama Menteri Besar Kedah di majlis-majlis bersama rakyat



PERI TELADAN KESAYANGAN SEMUA

Sepanjang lima tahun era pemerintahan Payung Negara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menaungi rakyat, semua lapisan rakyat merasakan amat berbangga dan beruntung terhadap penghormatan Majlis Raja-Raja Melayu mengamanahkan tugas sebagai Ketua Negara untuk kali kedua.

Sepanjang tempoh pemerintahan kali kedua ini, Baginda diraikan dan diberikan penghormatan dengan pelbagai kaedah dan temasya bertemakan Raja dan Rakyat. Antaranya termasuklah Pameran Raja Kita yang telah berlangsung di Istana Negara pada tahun 2012 yang menyaksikan gambar-gambar kenangan Baginda dan Permaisuri Agong serta Alat Kebesaran dan artifak peribadi yang mendapat sambutan hebat daripada pengunjung.

Jabatan Muzium dan Kesenian turut menganjurkan Pameran Potret DiRaja dengan kerjasama Yayasan Sultanah Bahiyah dipengerusikan YTM Tunku Intan Safinaz. Selain itu, Baginda dan Tuanku Hajah Haminah juga sangat prihatin akan kebajikan rakyat dan selalu mencemar duli hadir berjumpa anak-anak yatim dan golongan kurang bernasib baik.









BAB SEPULUH

ISTIADAT KEBERANGKATAN BALIK SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV SELEPAS TAMAT TEMPOH PEMERINTAHAN



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-14 Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah telah menaungi rakyat Malaysia sebagai payung mahkota selama lima tahun. Bermula pada 13 Disember 2011, Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah berangkat ke Kuala Lumpur untuk memulakan tugas rasmi sebagai Ketua Negara. Selepas lima tahun, Baginda berdua telah berangkat pulang ke Negeri Kedah untuk kembali bersemayam sebagai Sultan dan Sultanah Kedah. Istiadat Keberangkatan Balik Tuanku berdua diadakan pada 12 Disember 2016. Istiadat ini menandakan berakhirnya tempoh pemerintahan Tuanku Alhaj Abdul Halim sebagai Yang di-Pertuan Agong XIV.



Istiadat Keberangkatan Balik di Parlimen Negara



Istiadat Keberangkatan Balik Seri Paduka berdua bermula di Dataran Parlimen. Keberangkatan tiba Baginda berdua di Dataran Parlimen disambut oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak serta pemimpin negara yang lain. Setibanya di Dataran Parlimen, lagu *Hormat Diraja* dimainkan disusuli lagu *Negaraku* dengan diiringi 21 das tembakan meriam. Tuanku Alhaj Abdul Halim seterusnya berkenan memeriksa Kawalan Kehormatan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja seramai 103 ahli dan empat pegawai.



Perbarisan kehormat pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja dalam upacara keberangkatan pulang Tuanku Alhaj Abdul Halim selaku Yang di-Pertuan Agong XIV



Lambaian berakhirnya era pemerintahan Yang di-Pertuan Agong XIV



Istiadat diteruskan dengan bacaan doa oleh Mufti Wilayah Persekutuan Sahibus Samahah Datuk Dr. Zulkifli Ahmad al-Bakri. Istiadat diteruskan dengan lagu *Hormat Diraja* dan *Negaraku* buat kali kedua. Baginda berdua seterusnya berkenan untuk bersalaman dengan Ahli Jemaah Menteri, Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta tetamu kenamaan. Baginda berdua seterusnya berangkat ke Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



Keberangkatan tiba Baginda Tuanku dan Permaisuri disambut dengan perarakan 180 orang lengkap berpakaian pembesar Melayu, inang pengasuh dan hulubalang istana, sambil membawa peralatan tradisional seperti gendang, tombak, bunga emas dan replika pohon beringin, bermula dari persimpangan jalan hingga ke pintu masuk kompleks. Selain itu, Baginda berdua juga disambut oleh dua ekor gajah yang mengepalai perarakan berkenaan, menggambarkan zaman kegemilangan Raja-Raja Melayu dahulukala.



Turut berangkat mengiringi Baginda berdua ialah YAM Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan isteri, Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Zahid Hamidi serta wakil pemimpin negara yang lain.

Istiadat diteruskan dengan persembahan pencak silat di pintu masuk, diikuti persembahan Lambaian Kasih "Daulat Tuanku" di Dataran Kompleks Bunga Raya. Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri kemudian berkenan bersalaman dengan hadirin dan melambai salam perpisahan sebelum berangkat pulang menaiki pesawat khas ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar, Kedah.



Raja berjiwa rakyat disayangi semua dijadikan teladan selamanya

Keberangkatan Balik Tuanku Alhaj Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah turut diiringi lambaian terakhir para pemimpin negara termasuk Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan isteri serta Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Shah





BAB SEBELAS

PETIKAN TITAH

SEMANGAT CINTA AKAN NEGARA



"Persaingan global yang perlu dihadapi hari ini begitu kompetitif dan serba mencabar. Justeru, setiap daripada rakyat Malaysia perlu bersedia untuk menggalas tanggungjawab dan melaksanakan peranan masing-masing dengan sepenuh hati".

"Perkukuhkah diri dan pikullah tanggungjawab kita sebagai warga yang benar-benar cinta akan tanah air. Sesungguhnya Malaysia adalah hak, lambang maruah dan kedaulatan bersama. Untuk itu, masa depan negara kita haruslah dicorak dan diadun oleh kita semua".

Istiadat Pertabalan, Kuala Lumpur, 11 April 2012



GOLONGAN INTELEK PEMIMPIN MASA DEPAN

"Justeru, Beta berharap para graduan sebagai golongan intelek dapat memainkan peranan secara positif agar negara Malaysia kekal berdaulat di bawah pemerintahan kita sendiri".

"Para graduan ialah pemimpin masa depan yang diharap untuk memastikan negara terus aman. Pertahankanlah negara, universiti ini agar sentiasa meneruskan kehebatan untuk mencipta peradaban lebih gemilang".

Istiadat Konvokesyen, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Yang Ke-76 di Universiti Teknologi Mara, (UiTM), Shah Alam, 13 Mei 2012

HAPUSKAN DAKYAH MENGGANGGU-GUGAT NEGARA

"Keamanan dan keharmonian bukanlah sesuatu yang boleh kita perjudikan. Maka, sebagai sebuah bangsa merdeka lagi bertamadun, salurkanlah apa jua kritikan malah bantahan sekali pun dengan cara berhemah dan berhikmah".

"Menyedari hakikat ini, amat penting bagi kita memperkukuh jati diri serta semangat cintakan negara. Setelah lebih setengah abad mengecap nikmat merdeka, janganlah kita terpedaya dengan dakyah atau apa jua propaganda luar yang tidak lain dan tidak bukan, hanya mahu menguasai dan mengganggu-gugat negara kita".

Sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, 2 Jun 2012





PERPADUAN AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA

"Perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan adalah amat penting untuk meneruskan agenda pembangunan, membina kekuatan dan mendaulatkan negara".

Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Peringkat Kebangsaan Tahun 1434H, Putrajaya, 24 Januari 2013

MAJUKAN DIRI UNTUK BERDAYA SAING

"Kita tidak harus leka dan mudah berpuas hati menikmati kemajuan serta keselesaan, sudah sampai masanya Wilayah Persekutuan berada setanding dengan bandar raya tersohor lain di negara maju".

"Mudah-mudahan Kuala Lumpur dapat menjadi antara 20 bandar raya paling berdaya huni menjelang tahun 2020 seperti yang dihasratkan kerajaan".

"Jangan jadikan isu kualiti sumber manusia rendah mahupun kemelut keruntuhan akhlak dan seumpamanya sebagai faktor penyebab negara yang dicintai ini tersasar daripada mencapai Wawasan 2020 seperti yang diidamkan".

Istiadat Pengurniaan Darjah, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan, Istana Negara, 1 Februari 2013





HIDUP BERLANDASKAN PRINSIP PERLEMBAGAAN NEGARA

"Marilah kita bersikap sederhana dalam kehidupan berdasarkan prinsip-prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Negara".

"Janganlah kita benarkan kecelaruan nilai berkembang dalam masyarakat kita, sebaliknya usaha membimbing masyarakat kepada penerapan nilai-nilai kebersamaan perlu diteruskan tanpa mengenal musim dan sentiasa dijadikan agenda negara".

Sambutan Maal Hijrah, Peringkat Kebangsaan Tahun 1435H, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, 5 November 2013

KEHARMONIAN MASYARAKAT MAJUKAN SOSIOEKONOMI NEGARA



"Namun ingatlah, cara ia dibahas, dipertikai dan dibincangkan secara sinis dan melulu, boleh mengundang perbalahan, mencetuskan polemik dan boleh mengakibatkan perpecahan serta kegelisahan awam".

"Ingatlah, kestabilan politik dan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum akan banyak menyumbang ke arah memajukan lagi sosioekonomi negara yang tercinta".



Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1435H/2014M, Masjid Putra, Putrajaya, 15 Januari 2014



PEMBANGUNAN INKLUSIF, KOMPREHENSIF BAGI BELIA

"Beta berharap golongan belia akan terus didampingi melalui program pembangunan yang inklusif dan komprenhensif berteraskan pendekatan daripada belia untuk belia, meliputi aspek kepimpinan, kemahiran, keusahawanan dan kesukarelaan".



Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-13, Dewan Parlimen, Kuala Lumpur, 10 Mac 2014

MALAYSIA LAMBANG MARUAH DAN KEHORMATAN

"Sesungguhnya Malaysia adalah satu-satunya negara kita, harta yang paling berharga, lambang maruah dan kehormatan bersama".

"Kita telah sama-sama buktikan bahawa rakyat pelbagai bangsa, agama, budaya dan gaya hidup dapat hidup bersama dalam keadaan aman harmoni dan saling menghormati".

Majlis Sambutan Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong, Istana Negara, Kuala Lumpur, 7 Jun 2014





KESATUAN UMMAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA

"Selagi kesatuan ummah tidak mampu dicapai, selagi itulah kejayaan yang dijanjikan Allah SWT akan tertangguh".

"Telah dinyatakan dalam Al-Quran bahawa Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa kecuali mereka berusaha untuk mengubah segala kepincangan dalam diri mereka sendiri".

"Berimbang bermaksud seluruh pertimbangan negatif dan positif diberi perhatian supaya jalan berfikir yang diambil selalu bersifat wasatiyyah".

Majlis Tilawah dan Menghafal al-Quran, Peringkat Antarabangsa ke-56 PWTC, Kuala Lumpur, 16 Jun 2014 Pusat Dagangan Dunia Putra

HINDARI AKTIVITI KEGANASAN, BETULKAN TANGGAPAN NEGATIF

"Beta berharap setiap pasukan keselamatan akan terus berjuang ke arah membina bangsa bertamadun. Beta mahu Malaysia menjadi sebuah negara yang bersih daripada sebarang aktiviti keganasan dan berupaya membantu negara Islam lain serta memperbetul tanggapan negatif terhadap Islam di mata dunia".

Sambutan Hari Pahlawan, Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi, 18 Julai 2014





KERJA KERAS MENJAMIN KEMAKMURAN NEGARA

"Beta berharap dengan kecemerlangan pentadbiran ini akan memastikan kemakmuran, kesejahteraan dan keceriaan yang berpanjangan bagi rakyat Beta di bumi bertuah Wilayah Persekutuan".

"Oleh itu juga, seyogia seluruh rakyat Malaysia, khususnya warga Wilayah Persekutuan, untuk terus bekerja keras dan dengan penuh iltizam bagi memakmurkan negara Malaysia yang tercinta".

Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan, Bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, Istana Negara, Kuala Lumpur, 1 Februari 2015

PEMUAFAKATAN ULAMA HARUS DIPERTEGUH

"Beta diberi maklum bahawa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) keseluruhan bagi Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA menjangkau 105 peratus, manakala KPI keseluruhan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) pula mencapai 110 peratus".

"Dalam masa yang sama, permuafakatan antara ulama dan umarak hendaklah terus diperteguhkan demi memastikan ketinggian agama Islam dan kesejahteraan ummah sentiasa terpelihara".

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1473/2015M, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), 24 Disember 2015





HARGAI KEUNIKAN MALAYSIA

"Beta akui, bukanlah mudah untuk rakyat berbilang bangsa dan agama, mendiami sebuah negara dan berkongsi segalanya dalam keadaan aman, rukun dan damai. Namun, rakyat Malaysia telah membuktikan bahawa kepelbagaian bangsa, agama dan budaya yang kita miliki bukanlah satu halangan dan masalah, sebaliknya adalah satu keunikan yang membina kekuatan kita bersama. Ini amat bertepatan dengan hasrat dan cita-cita Beta untuk melihat bukan sahaja perpaduan terus terpelihara, tetapi bertambah kukuh dan utuh merentasi semua perkara. Rakyat Malaysia berbilang kaum perlu memanfaatkan segala kesempatan yang ada untuk lebih bergaul, mengenali dan memahami agar lebih menyayangi".

Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 2016, Taman Ekspo Agropertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor, 2 Oktober 2016

KEUNGGULAN UiTM BERPAKSIKAN NILAI-NILAI MURNI



"Tahniah Beta ucapkan kepada UiTM, setelah 60 tahun masih kukuh, memperkasa usaha demi melestari darjat, martabat dan hak bangsa peribumi melalui pendidikan tinggi, yang berpaksikan nilai-nilai murni dan penimbaan ilmu sejagat".

"Sebagai Canselor, Beta berbangga melihat pencapaian yang dikecapi oleh UiTM, dari semasa ke semasa. Justeru, Beta berharap agar UiTM akan terus melihat kecemerlangan warga dan universiti ini, dari sudut pengantarabangsaan prestasi serta pencapaian akademik".



Istiadat Konvokesyen ke-85, Universiti Teknologi Mara, Dewan Agung Tuanku Canselor UiTM, Shah Alam, 22 Oktober 2016



KEAMANAN NEGARA TERPELIHARA

"Sekalung tahniah juga Beta ucapkan kepada Angkatan Tentera Malaysia kerana telah memenangi anugerah The Brandlaureate Transformational Organisation Brand 2015-2016, oleh Asia Pacific Brand Foundation yang melibatkan 60 buah negara. Penganugerahan ini merupakan pengiktirafan kepada Angkatan Tentera Malaysia sebagai sebuah organisasi yang telah berjaya dalam usaha transformasinya dengan mengekalkan identitinya tersendiri dalam mengharungi cabaran yang senantiasa berubah".

Istiadat Perbarisan Menjunjung Kasih, Angkatan Tentera Malaysia, Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana, Sungai Besi, 16 November 2016

STABIL, UTUH, AMAN DAN MAKMUR

“Adalah menjadi harapan Beta agar Parlimen Malaysia mempertahankan keluhuran Perlembagaan Persekutuan terutamanya perkara-perkara yang menyentuh mengenai Raja-Raja Melayu, Agama Islam sebagai Agama Persekutuan dan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Persekutuan yang merupakan perkara asas dalam Perlembagaan”.

“Kestabilan politik dan keutuhan perpaduan kaum amat perlu bagi menjamin kelangsungan kemakmuran negara. Dalam perkara ini, prinsip-prinsip Rukun Negara yang telah Beta zahirkan pada 23 Februari 1971, iaitu lebih 45 tahun lalu, haruslah sentiasa difahami tujuannya dan dipatuhi maksudnya oleh semua rakyat”.

"Tuanku Alhaj Abdul Halim Shah"
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-14








BERSEKUTU
BERTAMBAH MUTU

Bibliografi

BUKU

- *Daulat Dijunjung Kasih Disanjung*, (2011). Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia
- *Dato' Wira Dr Hj Khairil Anas Jusoh*, (2014). Dustur Wa Salatin, Perlembagaan dan Para Sultan
- *Raja Berdaulat Sepanjang Zaman*, (2012). Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia

Laman web

- www.bernama.com
- www.utusan.com.my
- www.hmetro.com.my
- warisanpermaisuri.blogspot.com

Raja Payung Negara

Daulat Sepanjang Zaman

Terbitan:

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

ISBN 978-983-54-0603-4

9 789835 406034

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR5240